*In the packaging process of the to be marketed agricultural produce, among several conditional features that need to be adhered to are the sizes must be suitable for the quantity of the agricultural produce that need to be packed; contain agricultural produce of the same type and standards; and is not more than 30 kilogram in weight. Apart from that, the packaging itself must have quality, clean and durable features to ensure maximum protection from damaging the agricultural produce during handling and transporting; and the packaging must be made from materials that will not be harmful to the packed produce. Any packaging that has been labelled or a sticker have been plastered on it and later is to be re-used, and then the label must be erased or removed before being used again.*

*Meanwhile, as part of the labelling process, the size of the label to be marked or pasted on the packaging of the agricultural produce, must be not less than 11 centimetres x 7 centimetres, and must be market or pasted firmly and easily readable on the surface or the side of the package. The label must also contain details that easily readable and lasting; the size of the lettering must not be smaller than 20 point size; national language must be used and may include any translations in any other languages (for domestic market) and in English as well as other translations of any other languages (for exported agricultural produce); and in national language (for imported agricultural produce.)*

*Since the year 2008 up to the time when the 3P Regulations is fully-enforced, several programmes were undertaken that involved targeted groups that include the production stage up to marketing stage. Programme implementation that started from the awareness level, understanding, practising and eventually enforcement, covered seminars, courses, dialogues, meeting and others. To-date, FAMA had accomplished several achievements are advantageous towards the enforcement of the regulations fully by the year 2013 through the staggered execution that started in July until December 2011 for Labelling enforcement; January to July 2012 for Packaging; and continue with Grading Enforcement for the duration of July to December 2012.*




ke arah menguatkuasakan peraturan ini secara menyeluruh menjelang 2013 melalui penguatkuasaan berperingkat bermula Julai hingga Disember 2011 bagi Penguatkuasaan Pelabelan; Januari hingga Julai 2012 bagi Penguatkuasaan Pembungkusan; dan diteruskan dengan Penguatkuasaan Penggredan sepanjang tempoh Julai hingga Disember 2012.

Sehingga hari ini, hampir semua kumpulan sasar yang terlibat bagi pematuhan peraturan ini iaitu pemborong, peruncit, pengeksport dan pengimport telah maklum. Secara umumnya, kumpulan sasar peruncit iaitu termasuk juga pasaraya dilihat hampir keseluruhannya telah mematuhi peraturan ini khususnya bagi aktiviti pelabelan. Sementara bagi kumpulan sasar pemborong, pengimport dan pengeksport, masing-masing masih lagi di peringkat percubaan. Walaubagaimanapun, melalui strategi penguatkuasaan secara berperingkat, adalah dijangkakan dan diharapkan agar semua kumpulan sasar yang terlibat dapat mematuhi peraturan ini dengan baik dan berkesan.

Kesimpulannya atas desakan isu leberalisasi perdagangan yang menuntut peningkatan kualiti dan jaminan keselamatan makanan dari ladang ke meja makan dilihat dapat ditangani dengan baik melalui pelaksanaan Peraturan 3P. Hasil keluaran produk pertanian tempatan akan diberi nilai tambah di sepanjang rantai pasaran dan dapat memastikan produk tempatan setanding dengan produk pertanian negara pengeksport. Keluaran pertanian tempatan dapat dipasarkan dengan lebih baik dan kompetitif di pasaran tempatan dan antarabangsa sekaligus dapat memastikan pulangan yang lumayan kepada petani dan memberi keyakinan kepada pengguna.

*To-date, almost all targeted group involved in compliance exercise that includes the wholesalers, retailers, exporters and importers are informed. Generally, targeted retailers group that include supermarkets have almost comply with the regulations especially in the labelling aspect. Meanwhile, the targeted wholesalers group, importers and exporters are all at experimental stage. However, it is hoped and expected that through the staggered enforcement the entire involved targeted group will comply to the regulations efficiently and effectively.*

*It is concluded that the pressure of the trade liberalisation that demands improved quality and assured safety of the foods from the farm to the dining table can be considered as well handled through the implementation of the 3P Regulations. Domestic agricultural produce and products will have added value along the marketing chain and will be at par with agricultural products from exporting nations. Local agricultural produce can be better marketed and competitive in the domestic and global market and simultaneously ensure better returns to farmers and better confidence among the consumers.*





annual report

LAPORAN  
TAMBAHAN

P

**ENCAPAIAN FAMA SEPANJANG  
TAHUN 2010**

*FAMA'S ACHIEVEMENTS IN 2010*

**PENCAPAIAN FAMA SEPANJANG TAHUN 2010**  
*FAMA'S ACHIEVEMENTS IN 2010*

**PEMBANGUNAN PEMASARAN PRODUK SEGAR**

Pada tahun 2010, FAMA meneruskan usaha yang intensif dalam melaksanakan aktiviti pemasaran hasil-hasil pertanian termasuk sayur-sayuran, buah-buahan segar serta lain-lain produk agro-makanan bagi program urusniaga FAMA. Majoriti komoditi pertanian yang dipasarkan adalah daripada hasil keluaran ladang kontrak dan petani berskala kecil dan sederhana.

**Pemasaran Buah-Buahan**

Pada tahun 2010, FAMA terus mencatatkan peningkatan nilai jualan bagi komoditi buah-buahan sebanyak RM24.27 juta (2009:RM18.91 juta) dengan peningkatan sebanyak 28.3 peratus. Peningkatan ini merupakan impak daripada program jualan melalui pembukaan gerai-gerai jualan dan Agrostorm di beberapa kawasan yang strategik pada musim buah-buahan. Di samping itu, peningkatan nilai jualan ini adalah sejajar dengan peningkatan jumlah peserta ladang kontrak seramai 4,393 orang (2009:2,138 orang). Selain itu, program Durian Party turut menyumbang kepada peningkatan nilai jualan buah-buahan oleh FAMA melalui pembekalan durian klon terpilih dan buah-buahan bermusim kepada agensi kerajaan dan swasta serta individu yang berminat. Nilai jualan buah-buahan yang dipasarkan mengikut negeri adalah seperti di Jadual 8.

Marketing of Fruits

**FRESH PRODUCE MARKETING DEVELOPMENT**

*In the year 2010, FAMA was unrelenting in pursuing intensive efforts in executing marketing activities for its business programme on agricultural produce that include vegetables, fresh fruits and other agro-food products. Majority of the agricultural commodities that it markets are produce from contract plantations as well as small and medium size farmers.*

**The Marketing of Fruits**

*In 2010 FAMA continued to record an increase in the sale value of fruits commodities at 28.3 percent to the amount of RM24.27 million (2009:RM18.91 million). The increase was a direct impact of the sales programme that consisted of the opening of fruits stalls and Agrostorm at strategic areas during the fruits seasons. The improved sales value is inline with the increase number of contract farmers' participation that totalled up to 4,393 farmers (2009:2,138 farmers). Apart from that, the Durian Party programme also contributed towards the increase in FAMA's fruits sales value by supplying selected durian clones and seasonal fruits to government agencies and the private sectors as well as interested individuals. The fruits' sales value that was marketed by states is as indicated in Table 8.*

**Jadual 8: Nilai Jualan Buah-buahan Mengikut Negeri Tahun 2009 dan 2010**

*Table 8: Fruits Sales Value by States in 2009 and 2010*

Bil / No	Negeri / State	Tahun / Year	
		2009	2010
1	Perlis	552,672	630,665
2	Kedah	1,424,514	635,689
3	Pulau Pinang	707,181	560,557
4	Perak	1,857,388	2,525,463
5	Selangor	1,442,593	1,354,461
6	Negeri Sembilan	909,952	2,722,018
7	Melaka	508,720	766,039
8	Pahang	1,107,617	2,005,758
9	Kelantan	2,292,480	1,976,353
10	Terengganu	985,952	1,116,154
11	Johor	3,073,519	3,355,503
12	Sabah	172,822	648,454
13	Sarawak	484,605	412,369
14	Ibu Pejabat	3,393,765	5,562,774
<b>Jumlah / Total</b>		<b>18,913,780</b>	<b>24,272,257</b>

## Pemasaran Buah-buahan Bermusim

Berdasarkan pemantauan yang dijalankan oleh FAMA di kawasan pengeluaran utama, dianggarkan pengeluaran secara keseluruhan adalah sebanyak 132,000 tan metrik (2009:98,048 tan metrik) bagi buah-buahan bermusim seperti durian, rambutan, duku/dokong, manggis dan cempedak. Kemuncak musim pengeluaran adalah antara bulan Mei hingga Oktober dengan jumlah pengeluaran tertinggi pada bulan Jun hingga September. Pelbagai program telah dilaksanakan seperti operasi jualan tembikai, Durian Party dan fiesta jualan bagi memastikan tidak berlakunya lambakan buah-buahan bermusim. Selain itu, program-program seperti Malaysia Agriculture, Horticulture and Agrotourism (MAHA) di MAEPS, Selangor; Malaysian Fresh Fruit Fiesta (M3F) di Singapura, Jom Makan Buah di Taman Warisan Putrajaya, Pesta Jualan di Muzium Telekom, Manggo Fair di Giant Kinrara Puchong dan Program Satu Daerah Satu Industri (SDSI) di Melaka International Trade Center (MITC) turut membantu FAMA dalam memasarkan buah-buahan segar terus daripada ladang.

## The Marketing of Seasonal Fruits

FAMA's monitoring of the main production areas indicated that the overall production was 132,000 metric tonne (2009:98,048 metric tonne) for seasonal fruits such as durian, rambutan, duku/dokong, mangosteen and cempedak. The height of the production season was between June and September. Various programmes such as the Durian Party and sales fiesta were implemented to ensure that there is no dumping exercise of seasonal fruits. Apart from these programmes, others such as Malaysia Agriculture, Horticulture and Agrotourism (MAHA) at MAEPS, Selangor; Malaysian Fresh Fruit Fair (M3F) at Singapore, Jom Makan Buah at Taman Warisan Putrajaya, Sales Fiesta at Telekom Museum, Manggo Fair at Giant Kinrara Puchong and One District One Industry (ODOI) Programme helps FAMA in marketing fruits straight out of the farms.



Majlis Perasmian Fiesta Mangga Malaysia 2010 oleh Ketua Pengarah FAMA  
FAMA Director General officiated the Malaysian Mango Fair 2010



## Pemasaran Sayur-sayuran

Pada tahun 2010, FAMA telah mencatatkan nilai jualan sayur-sayuran sebanyak RM20.41 juta berbanding RM10.43 juta pada tahun 2009. Peningkatan nilai jualan ini adalah sejajar dengan peningkatan jumlah peserta ladang kontrak tanaman sayur-sayuran iaitu seramai 2,600 orang (2009:1,520 orang). Nilai jualan mengikut negeri adalah seperti di Jadual 9.

## The Marketing of Vegetables

FAMA recorded a value of RM20.41 million for sales of vegetables in 2010 compared to RM10.43 million in the previous year of 2009. The improved sales value corresponded to the increased in the number of vegetable contract farming where a total of 2,600 farmers participated (2009:1,520 farmers). Sales values by states are as in Table 9.

Jadual 9: Nilai Jualan Sayur-sayuran Mengikut Negeri Tahun 2009 dan 2010  
Table 9: Vegetables' Sales Value by States for year 2009 and 2010

Bil/No	Negeri / State	Tahun / Year	
		2009	2010
1	Perlis	150,309	169,016
2	Kedah	188,683	487,567
3	Pulau Pinang	443,130	462,411
4	Perak	198,586	625,837
5	Selangor	635,845	651,805
6	Negeri Sembilan	317,142	2,669,420
7	Melaka	206,663	730,444
8	Pahang	411,774	879,588
9	Kelantan	374,003	436,888
10	Terengganu	1,099,062	1,851,275
11	Johor	616,068	727,721
12	Sabah	367,976	758,602
13	Sarawak	133,801	77,787
14	Ibu Pejabat	5,282,046	9,877,857
<b>Jumlah / Total</b>		<b>10,425,088</b>	<b>20,406,218</b>

Antara penyumbang utama kepada peningkatan nilai jualan adalah eksport sayur-sayuran tanah tinggi seperti tomato daripada Cameron Highlands ke Singapura dan Timur Tengah.

Pelbagai isu telah diselesaikan oleh FAMA pada tahun 2010 seperti membantu 23 orang peserta ladang anjuran syarikat swasta dalam memasarkan serai paha ayam yang ditanam di kawasan berkeluasan 75.5 ekar. Selain itu, FAMA juga telah memasarkan jagung varieti 1357 bernilai RM21,038 yang diusahakan oleh 25 orang peserta Persatuan Peladang Kawasan Beseri dan Persatuan Peladang Kawasan Bintang di Perlis.

### Kerjasama antara FAMA dan FELDA

Pada tahun 2010, FAMA meneruskan hubungan kerjasama dengan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) dalam meningkatkan pengeluaran dan pemasaran hasil-hasil pertanian melalui Projek Gedung Makanan Negara (GMN). FELDA telah mengadakan Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman pada 28 Januari 2010 dengan disaksikan oleh Y.A.B. Datuk Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia bersama-sama FAMA, MARA, MARDI, Jabatan Pertanian, Jabatan Perikanan, Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Universiti Malaysia Sabah dan Khazanah Nasional Berhad. Skop bagi kerjasama ini adalah untuk memasar dan mempertingkatkan hubungan pemasaran bagi produk GMN di samping menggalakkan pertukaran bahan dan kepakaran dalam GMN untuk kepentingan bersama. Komoditi yang telah dipersetujui dalam kerjasama ini adalah Pisang Berangan, cili (fertigasi) dan ikan Tilapia.

*Exports of highland's vegetables such as tomatoes from Cameron Highlands to Singapore and Middle East are parts of the contributing factors toward the improved sales value..*

*In 2010 FAMA resolved various issues such as providing supports to 23 participants of privately sponsored farms by marketing the lemon grass that were planted on a 75.5 acres of land. FAMA had also help market the 1357 variety corns worth RM21,038 that were planted by 25 participants of the Persatuan Peladang Kawasan Beseri and Persatuan Peladang Kawasan Bintang in Perlis.*

### Cooperative Relationship Between FAMA and FELDA

*FAMA continued its cooperative relationship with the Federal Land Development Authority (FELDA) in 2010 in efforts to improve the production and marketing of agricultural produce through the National Food Warehousing Project (NFW). On 28 January 2010, the Malaysia Prime Minister, Y.A.B. Datuk Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak, witnessed the signing of a Memorandum of Understanding between FELDA and FAMA, MARA, MARDI, the Agriculture Department, the Fishery Department, the Veterinarian Services Department, University Malaysia Sabah and Khazanah Nasional Berhad. The scope of the cooperation covers the marketing and to improve marketing relationship for NFW products for mutual benefit. The Berangan Bananas, Chillies (fertigation) and the Tilapia Fish are the commodities covered by the cooperation.*



Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman Bagi Projek GMN, FELDA  
*The FELDA's Project NFW Signing of the Memorandum of Understanding*



Tanaman Pisang di FELDA Besout dan Operasi Belian oleh FAMA  
*Bananas Field at FELDA Besout and Purchasing Operation by FAMA*

## PEMBANGUNAN FLORIKULTUR FLORICULTURE DEVELOPMENT

Pada tahun 2010, FAMA telah diberi tanggungjawab untuk memantau program-program florikultur. Sebanyak sembilan pusat telah dipilih untuk program pembangunan florikultur iaitu Pusat Pengeksportan Hortikultur Pusat Pertanian Modern Kluang, Pejabat FAMA Jajahan Bachok, Pejabat FAMA Daerah Maran, Pusat Operasi FAMA Batu Kurau, Pusat Operasi FAMA Senawang, Pusat Operasi FAMA Seberang Perai, Institut Latihan FAMA Port Dickson, Taman Mesra Alam Gunung Jerai dan Pejabat FAMA Kota Bharu. Sehingga Disember 2010, nilai jualan yang dicatatkan adalah sebanyak RM718,566. Antara aktiviti yang dijalankan oleh pusat-pusat florikultur termasuklah program Majlis Pembangunan Pertanian Parlimen (MPPP) seperti e-kasih di 11 kawasan parlimen. Sementara itu, sebanyak 66 buah gerai florikultur dan input pertanian telah dibuka semasa MAHA 2010 yang berlangsung pada 26 November 2010 hingga 5 Disember 2010 di Taman Ekspo Pertanian Malaysia, Serdang (MAEPS). Melalui pameran pertanian terbesar ini, gerai-gerai florikultur telah berjaya mencatatkan nilai jualan sebanyak RM1.2 juta. Antara pengusaha-pengusaha yang terlibat ialah Persatuan Orkid Ipoh, United Malaysian Orchids dan Cawangan Florikultur FAMA.

*IN 2010, FAMA was entrusted to monitor floriculture programmes. At least nine contract plantations were selected for the floriculture development programme that include Horticulture Exporting Center, Kluang Modern Agricultural Center, FAMA Office in Bachok District, FAMA Office in Maran District, FAMA Operation Center in Batu Kurau, FAMA Operation Contract plantation in Senawang, FAMA Operation Contract plantation in Seberang Perai, FAMA Training Institute in Port Dickson, Gunung Jerai Environmentally Friendly Park and FAMA Office in Kota Bharu. Up until December 2010, the sales value recorded by these floriculture contract plantations, including the Parliamentary Agricultural Development Council such as e-kasih in 11 parliamentary districts. Meanwhile, a total of 66 floricultural and agricultural input booths were set up during the MAHA 2010 that was held from 26 November until 5 December 2010 at the Malaysian Agricultural Exposition Park, Serdang. The floricultural stalls at the largest agricultural exposition succeeded in achieving a sales value of RM1.2 million. Ipoh Orchid Association, United Malaysian Orchids and FAMA Floriculture Branch are among the participants involved.*



Gerai-gerai Florikultur di MAHA 2010  
Floriculture Stalls at MAHA 2010



## PEMBANGUNAN TANAMAN PELBAGAI MULTI CROPS DEVELOPMENT

Pada tahun 2010, FAMA terus memperkukuhkan pembangunantanaman pelbagaie seperti pembangunan kelapa, roselle dan tebu. Nilai jualan yang dicatatkan oleh FAMA bagi tahun 2010 adalah sebanyak RM8.68 juta (2009:RM4.5 juta) iaitu peningkatan sebanyak 93 peratus.

### Pembangunan Kelapa

Pada tahun 2010, FAMA telah diperuntukkan sebanyak 15 juta biji permit import kelapa tua bagi mengatasi kekurangan bekalan dan masalah harga kelapa yang tidak stabil di pasaran. Pusat Operasi FAMA Batu Pahat diberi tanggungjawab untuk mengendali dan memasarkan kelapa tua yang dibawa masuk melalui Pelabuhan Minyak Beku, Batu Pahat. Selain itu, Pusat Operasi Seberang Perai juga terlibat dalam memasarkan kelapa tua import ke seluruh negara. Sehingga Disember 2010, kira-kira 11 juta biji kelapa tua telah dibawa masuk ke negara ini.

*FAMA continued in 2010, to strengthen the development of multi crops such as coconut, roselle and sugar cane. FAMA recorded a sales value of RM8.68 million in 2010 (2009:RM4.5 million), which is an increase of 93 percent.*

### Coconut Development

*In the year 2010, FAMA allocated a total of 15 million import permits for matured coconut to overcome the supply shortage and the unstable market price of coconut. FAMA Operation Center in Batu Pahat was assigned to manage and market the matured coconut that entered through the Minyak Beku Port in Batu Pahat. The Operation Center in Seberang Perai was also involved in marketing the imported matured coconut nationwide. Up to December 2010, a total of 11 million matured coconuts were brought into the country.*



Kelapa Tua Import daripada Indonesia Tiba di Pelabuhan Minyak Beku, Batu Pahat  
*Imported matured coconuts from Indonesia arrived at Minyak Beku Port, Batu Pahat*

## Pembangunan Tebu

Dalam usaha meluaskan pasaran tebu ke luar negara, FAMA, MARDI serta para usahawan iaitu KULIM (M) Berhad, Sugar Cane World (SCW) Sdn. Bhd., dan Q-Quest Agrobiz Sdn. Bhd. telah bekerjasama dalam membuat penghantaran percubaan dan kajian kualiti pengeksportan tebu segar ke pasaran Dubai, Emiriah Arab Bersatu (UAE) pada November 2010. Sebanyak 493 kotak tebu yang beratnya 15kg bagi setiap kotak dihantar dalam percubaan pertama ini dan telah berjaya sampai ke Dubai dalam keadaan baik dan segar.



## Sugar Cane Development

*In their efforts to expand the sugar cane market abroad, FAMA, MARDI and businesses such as KULIM (M) Berhad, Sugar Cane World (SCW) Sdn Bhd, and Q-Quest Agrobiz Sdn Bhd worked together in experimenting the delivery as well as researching the quality of exporting fresh sugar canes to Middle Eastern market of Dubai, United Arab Emirates (UAE) in November 2010. At least 493 boxes of sugar canes, each weighing 15kg, were sent in the first experimental delivery and they arrived in good and fresh conditions.*



Penghantaran Percubaan Tebu ke Dubai, Emiriah Arab Bersatu  
*Fresh sugar canes delivered to Dubai, United Arab Emirates as an experiment.*

## Pembangunan Roselle

Potensi industri roselle terus berkembang pada tahun 2010 dengan inisiatif pelbagai pihak untuk menghasilkan produk-produk yang mempunyai nilai tambah di pasaran seperti jem, kordial dan halwa. Sepanjang tahun 2010, FAMA telah mengeksport sebanyak 28 tan metrik roselle segar ke Australia.

## Roselle Development

*The potentials of the roselle industry continue to grow in 2010 with more initiatives from various parties to manufacture value-added products such as jams, cordials and sweets. FAMA succeeded in exporting at lest 28 tonnes metric of fresh roselle to Australia throughout the year 2010.*



Roselle Segar yang Dieksport ke Australia  
*Fresh Roselle Exported to Australia*

## Program Ladang Kontrak

Program ladang kontrak adalah merupakan projek berimpak tinggi yang diperkenalkan untuk membantu pengusaha pertanian berskala kecil dan sederhana dalam menjamin pengeluaran hasil pertanian mereka mendapat pulangan yang setimpal. Skop program ladang kontrak melibatkan petani di bawah kelolaan jabatan/agensi dalam Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sebagai pengeluar. Manakala FAMA dan Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) bertindak sebagai pembeli dan bersetuju menjamin pasaran hasil tanaman petani mengikut jenis, varieti, kualiti, gred, pembungkusan dan jadual pengeluaran yang ditetapkan.

Selain itu, program ini juga bertujuan untuk memadamkan pengeluaran hasil pertanian dengan permintaan pasaran. Pelaksanaan program ini mengambilkira semua aktiviti yang berkaitan di sepanjang rantai bekalan seperti kemudahan lepas tuai yang di sediakan oleh jabatan/ agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

Dalam RMKe-9, program High Impact Project (HIP) Ladang Kontrak akan membangunkan seramai 25,689 peserta ladang kontrak yang dikelolakan oleh jabatan/agensi di bawah kementerian merangkumi 31,866 hektar dengan nilai kontrak berjumlah RM2.2 bilion dan sasaran pendapatan peserta RM2,000 sebulan. Pencapaian program HIP Ladang Kontrak sehingga 31 Disember 2010 adalah seperti di Jadual 10.

**Jadual 10: Keluasan Kawasan Ladang Kontrak Berakhir 31 Disember 2010**  
**Table 10: The Area of Farm for Contract Farming as at end 31 December 2010**

Komoditi / Commodity	Sasaran 2010 / Target 2010		Pencapaian 2010 / Achievement 2010		% Pencapaian / % Achievement	
	Luas (hektar) / Area (hectares)	Peserta / Participant	Luas (hektar) / Area (hectares)	Peserta / Participant	Luas (hektar) / Area (hectares)	Peserta / Participant
Sayur / Vegetables	2,807	2,629	2,951	2,600	105.1	98.9
Buah / Fruit	4,125	3,868	5,253	3,835	127.4	99.1
Nanas / Pineapple	925	327	1,378	558	149.0	170.6
<b>Jumlah / Total</b>	<b>7,857</b>	<b>6,824</b>	<b>9,582</b>	<b>6,993</b>	<b>381.5</b>	<b>368.6</b>

Pada tahun 2010, FAMA telah memasarkan komoditi sayur-sayuran dan buah-buahan sebanyak 37.2 peratus daripada hasil keluaran ladang kontrak bernilai RM224,208,291. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM28,698,824 adalah melalui belian terus manakala RM195,509,467 adalah dalam bentuk pengaturan pasaran (*market arrangement*). Bagi menjamin pasaran, FAMA telah mengadakan perjanjian kontrak belian (*forward agreement*) dengan peserta-peserta ladang kontrak dan sebanyak 400 perjanjian telah ditandatangani pada tahun 2010.

## Contract Farming Programme

The contract-farming programme is a high impact programme that was introduced to support small and medium sizes farmers in ensuring high yields of their agricultural produce and high returns. The contract plantation programme covered producing farmers that are under the supervision of departments/agencies within the Ministry of Agriculture and Agro-based Industry. Meanwhile, FAMA and the Malaysian Pineapple Industry Board (Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia – LPNM) served as purchaser and agreed to market the farmers' produce according to types, variety, quality, grade, and package and specified production schedules.

This programme is also aimed at keeping the amount of produce as per market's demands. Its implementation took into account all activities that are related to the supply chain such as post harvest facilities provided by the departments/agencies under the Ministry of Agriculture and Agro-based Industry.

Under the 9<sup>th</sup> Malaysian Plan (RMK9), the Contract plantation High Impact Project (HIP) is expected to develop a total of 25,689 farmers who are under contract with the ministry's departments/agencies over 31,866 hectares of land with a contract value of RM2.2 billion and targeted monthly income of RM2, 000.00 for each farmers. Table 10 shows the HIP Contract plantations' level of yield achievements up to 31 December 2010.

In 2010, FAMA marketed 37.2 percent of vegetables and fruits commodities that was produced by the contract plantations at the value of RM224, 208,291. At least RM28, 698,824 from the total amount are through direct purchase while the balance of RM195, 509,467 are in the form of market arrangement. FAMA also establish forward agreement with the contract plantations participants to ensure the marketing of the produce and a total of 400 agreements were signed in 2010.

## Pusat Pemrosesan Buah-buahan Segar FAMA

Dalam usaha memperluas dan memenuhi kehendak pasaran buah-buahan, FAMA telah membangunkan pusat pemrosesan buah-buahan segar FAMA yang bertujuan untuk mengendalikan buah-buahan bermusim. Berikut adalah enam buah pusat pemrosesan buah-buahan yang dibangunkan iaitu:

- i. Pusat Operasi Machang, Kelantan;
- ii. Pusat Operasi FAMA Jerantut, Pahang;
- iii. Pusat Operasi FAMA Tangkak, Johor;
- iv. Pusat Operasi Sungai Petani, Kedah;
- v. Pusat Operasi Kangar, Perlis; dan
- vi. Pusat Operasi FAMA Batu Kurau, Perak.

Pusat Operasi Batu Kurau telah dibangunkan untuk memberi fokus kepada aktiviti pemrosesan isi durian kampung dan ulas durian komersil. Pada tahun 2010, Pusat Pemrosesan Batu Kurau telah mendapat pengiktirafan Amalan Pengilangan Baik (APB) atau *Good Manufacturing Practice (GMP)* daripada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan sedang dalam perundingan untuk mendapatkan laluan pasaran ke China. Sehubungan itu, pihak *General Administration of Quality Supervision, Inspection and Quarantine of the people's republic of China (AQSIQ)* telah mengadakan lawatan dan pemeriksaan ke Pusat Pemrosesan Buah-buahan FAMA Batu Kurau, Perak. Beberapa penambahbaikan sedang dilaksanakan bagi memenuhi keperluan daripada China.



## FAMA Fresh Fruits Processing Contract Plantation

*FAMA had established fresh fruits procession contract plantations for seasonal fruits in its efforts to further expand and fulfil the fresh fruits market. There are the six fresh fruits processing contract plantations that has been establish:*

- i. FAMA Machang Operation Center, Kelantan;*
- ii. FAMA Jerantut Operation Center, Pahang;*
- iii. FAMA Tangkak Operation Center, Johor;*
- iv. FAMA Sungai Petani Operation Center, Kedah;*
- v. Kangar Operation Center, Perlis; and*
- vi. FAMA Batu Kurau Operation Center, Perak.*

*Batu Kurau Operation Center was established to focus on the processing of local durian flesh and commercialised durian's segments. In 2010, the Batu Kurau Processing Contract plantation received Good Manufacturing Practice (GMP) award from the Ministry of Agriculture and Agro-based Industry and is under negotiation to obtain marketing rights to China. This has brought the representatives the General Administration of Quality Supervision, Inspection and Quarantine of the people's Republic of China (AQSIQ) to visit and inspect FAMA Batu Kurau Fruits Processing Center in Perak. Several improvement measures are underway to meet the requirements from China.*



Aktiviti Pemrosesan Ulas Durian Sejuk Beku Dilakukan di Pusat Pemrosesan Buah-buahan FAMA di Batu Kurau, Perak  
*Processing of Frozen Durian Segments at the FAMA Batu Kurau Fruits Processing Centre in Perak*

## Pertandingan *Kitchen Garden/Edible Landscape*

Pertandingan *Kitchen Garden/Edible Landscape* sekali lagi diadakan selaras dengan kempen Bumi Hijau anjuran Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Pada tahun 2010, terdapat empat kategori yang dipertandingkan iaitu kategori individu, komuniti, sekolah menengah dan sekolah rendah. Pertandingan ini melibatkan 410 penyertaan di peringkat negeri dan 43 penyertaan peringkat kebangsaan.

## *Kitchen Garden/Edible Landscape Competition*

*The Kitchen Garden/Edible Landscape Competition once again took place in line with the Green Earth (Bumi Hijau) Campaign organized by the Ministry of Agriculture and Agro-based Industry. There were four categories in the 2010 competition. They are the Individual, Community, Secondary and Primary Schools Categories. There were 410 participations at state level and another 43 participations at national level.*



En. Jamaludin Zakaria, No 25 Peringkat 6, FELDA Ijok, Selama, Perak  
Johan Kategori Individu, Peringkat Kebangsaan

*Processing of Frozen Durian Segments at the FAMA Batu Kurau Fruits Processing Centre in Perak  
En. Jamaludin Zakaria, No 25 Level 6, FELDA Ijok, Selama, Perak  
National Champion, Individual Category*



Pusat Serenti Bukit Chabang, KM22, Jalan Padang Besar (U), Padang Besar, Perlis  
Johan Kategori Komuniti, Peringkat Kebangsaan  
*Pusat Serenti Bukit Chabang, KM22, Jalan Padang Besar (U), Padang Besar, Perlis  
National Champion, Community Category*



Sekolah Menengah Kebangsaan Tiram Jaya, Tanjong Karang, Selangor  
Johan Kategori Sekolah Menengah, Peringkat Kebangsaan  
*Sekolah Menengah Kebangsaan Tiram Jaya, Tanjong Karang, Selangor  
National Champion, Secondary School Category*



Sekolah Rendah Sri Maulana, Pekan, Pahang  
Johan Kategori Sekolah Rendah, Peringkat Kebangsaan  
*Sekolah Rendah Sri Maulana, Pekan, Pahang  
National Champion, Primary School Category*

## TERNAKAN DAN AKUAKULTUR LIVESTOCK AND AQUACULTURE

Industri ternakan dan akuakultur di Malaysia terus berkembang pesat sejajar dengan galakan dan tumpuan kerajaan bagi memajukan kedua-dua sub-sektor tersebut. Usaha ini untuk menjadikan sektor pertanian sebagai salah satu enjin utama pertumbuhan ekonomi negara. Secara keseluruhannya, urusniaga ternakan dan akuakultur FAMA mencatatkan nilai jualan sebanyak RM13.58 juta pada tahun 2010 berbanding RM12.13 juta pada tahun 2009 iaitu peningkatan sebanyak 12 peratus.

Nilai urusniaga ternakan yang dicapai pada tahun 2010 adalah sebanyak RM6.16 juta berbanding RM6.08 juta pada tahun 2009. Komoditi ternakan yang dipasarkan terdiri daripada lembu, kerbau, ayam pedaging, ayam kampung kacukan, puyuh dan kambing. Selain itu, produk seperti telur asin, telur ayam omega, telur itik, itik daging dan makanan ternakan turut menyumbang kepada peningkatan nilai jualan.

Nilai urusniaga akuakultur yang dicapai pada tahun 2010 adalah sebanyak RM7.42 juta berbanding RM6.05 juta pada tahun 2009 iaitu peningkatan sebanyak 22.6 peratus. Komoditi akuakultur yang dipasarkan terdiri daripada keli, tilapia, tongsan, lee koh, haruan, baung, rhohu, jelawat, puyu, dan lampam. Selain ikan segar, FAMA turut memasarkan produk proses iaitu ikan pekasam. Di samping itu, makanan dan benih ikan turut diurusniagakan. Jadual 11 menunjukkan nilai urusniaga ternakan dan akuakultur bagi tahun 2009 dan 2010.

*The Livestock and Aquaculture industry in Malaysia continue to grow rapidly in accordance with the encouragements and emphasis given by the Government to develop both sub-sectors. It is an integral endeavour to turn the agriculture sector into one of the main national economic engine of growth. Overall, FAMA's livestock and aquaculture business recorded a sales value of RM13.58 million in 2010 compared to RM12.13 million in 2009, an increase of 12 percent.*

*The livestock business value reached a total of RM6.16 million in 2010 compared to RM6.08 in the previous year of 2009. Livestock commodities that comprise of cows, buffalo, and livestock chicken, local crossbreed chicken, quail and goat. Apart from these, products such as salted eggs, omega chicken eggs, duck's eggs, livestock ducks, and livestock feeds also contribute towards the increase in the sales value.*

*The aquaculture business value reached a total of RM7.42 million in 2010 compared to RM6.05 in the year 2009, registering an increase of 22.6 percent. The marketed aquaculture commodities include catfish, tilapia, tongsan, lee koh, snakehead fish, baung (*Mystus nemurus*), rhohu, jelawat (*Leptobarnus hoevei*), puyu (*Anabas terstudineus*) and lampam (*Pontius schwanefeldii*). Apart from fresh fish, FAMA also market process products such as salted fish. It also market fish feeds and fish spawn. Table 11 indicates the business values of livestock and aquaculture for the years 2009 and 2010.*

**Jadual 11: Nilai Urusniaga Ternakan dan Akuakultur Tahun 2009 dan 2010**  
**Table 11: Livestock and Aquaculture Trading for The Years 2009 and 2010**

Komoditi / <i>Commodity</i>	Tahun / <i>Year</i>	
	2009 (RM/juta)	2010 (RM/juta)
Ternakan / <i>Livestock</i>	6.08	6.16
Akuakultur / <i>Aquaculture</i>	6.05	7.42
<b>Jumlah / <i>Total</i></b>	<b>12.13</b>	<b>13.58</b>

## PEMBANGUNAN PEMASARAN PRODUK INDUSTRI ASAS TANI AGRO-BASED INDUSTRY PRODUCT MARKET DEVELOPMENT

Dalam mencapai matlamat Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani untuk menaiktaraf 15,000 orang usahawan industri asas tani yang berpendapatan bersih melebihi RM2,000 sebulan, pelbagai program dan aktiviti melibatkan golongan sasar telah dirancang dan dilaksanakan oleh FAMA sepanjang tahun 2010.

Pada tahun 2010, FAMA telah berjaya merealisasikan hasrat Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dengan membantu seramai 4,662 usahawan yang didaftarkan dalam sistem e-IAT@fama. Nilai jualan keseluruhan produk usahawan yang dipasarkan adalah sebanyak RM1,525 juta. Purata jualan juga telah meningkat sebanyak 128 peratus dengan nilai RM27,170 sebulan berbanding RM11,900 sebulan pada tahun 2009.

FAMA telah melaksanakan program khidmat pemasaran mengikut tahap nilai jualan usahawan setahun. Khidmat Pemasaran ini melibatkan enam tahap iaitu dari Tahap I hingga Tahap 6. Butiran program Khidmat Pemasaran adalah seperti di Rajah 3.

Various targeted programmes and activities were executed by FAMA throughout 2010 in support of the Ministry of Agriculture and Agro-based Industry aims at upgrade 15,000 agro-based industry entrepreneurs with a monthly nett income of RM2,000.

In 2010, FAMA had successfully accomplished the aspiration of the Ministry of Agriculture and Agro-based Industry to provide supports to 4,662 entrepreneurs that are registered in the e-IAT@fama system. The total sales value of the entrepreneurs' products that were marketed is RM1,525 million. The average sales went up by 128 percent with a monthly value of RM27,170 compared to the monthly RM11,900 in 2009.

FAMA executed marketing services programme according to the entrepreneurs' level of annual sales value. The Marketing Services include six levels from Level 1 to Level 6. Details of the Marketing Services Programme are as outlined in Diagram 3.



Rajah 3: Program Khidmat Pemasaran Mengikut Tahap Usahawan PKS  
Diagram 3: Marketing Services Programme According to PKS Entrepreneurs' Level

Pada tahun 2010, pencapaian pendaftaran usahawan melalui sistem e-IAT adalah seperti yang ditunjukkan di Jadual 12. Peningkatan bilangan usahawan berdaftar yang tertinggi ialah kategori PKS Tahap I iaitu sebanyak 955 usahawan diikuti oleh Tahap 4 (219 usahawan), Tahap 5 (101 usahawan), Tahap 6 (13 usahawan) dan Tahap 3 (2 usahawan).

Table 12 indicates the number of entrepreneurs that registered through the e-IAT system in 2010. Category PKS Level I showed the highest increase of registered entrepreneur with 955 registration followed by Level 4 (219 entrepreneurs), Level 5 (101 entrepreneurs), Level 6 (13 entrepreneurs) and Level 3 (2 entrepreneurs).



**Jadual 12: Bilangan Usahawan Berdaftar dalam Sistem e-IAT Mengikut Tahap Usahawan Tahun 2009 dan 2010**

**Table 12: Number of Entrepreneur Registered through the e-IAT System According to the Entrepreneurs Level for the Year 2009 and 2010**

Kategori PKS / <i>PKS Category</i>	Tahun / <i>Year</i>		Pencapaian / <i>Achievements (%)</i>
	2009	2010	
Tahap 1 / Level 1 (< RM 50,000)	1,881	2,836	51
Tahap 2 / Level 2 (< RM 100,000)	766	729	(5)
Tahap 3 / Level 3 (< RM 250,000)	587	589	0.3
Tahap 4 / Level 4 (< RM 1 juta)	154	373	142
Tahap 5 / Level 5 (< RM 10 juta)	21	122	481
Tahap 6 / Level 6 (< RM 25 juta)	0	13	0
<b>Jumlah / <i>Total</i></b>	<b>3,409</b>	<b>4,662</b>	<b>37</b>

### Program Pembangunan Pasaran

Program pembangunan pasaran produk Industri Asas Tani (IAT) diteruskan dalam usaha untuk membangun, mempertingkatkan dan memperluaskan pasaran produk IAT di peringkat domestik dan antarabangsa. Sepanjang tahun 2010, FAMA telah menjalankan pelbagai aktiviti untuk meluaskan pasaran dan jaringan hubungan serta meningkatkan jualan produk IAT melalui pelbagai program pengaturan pasaran di samping menyediakan kemudahan perkhidmatan sokongan pemasaran.

Pada tahun 2010, FAMA telah berjaya menganjurkan 245 aktiviti (2009:293 aktiviti) melalui program karnival dan ekspo di seluruh negara. Antara program yang telah berjaya dilaksanakan adalah seperti *Malaysia Agriculture, Horticulture & AgroTourism (MAHA) 2010*, *MoA Inc. Bersama Rakyat*, *Mini MAHA* dan *Gerak Siswazah Tani*. Seramai 5,029 usahawan (2009:4,332 usahawan) telah berjaya memasarkan produk dengan nilai jualan yang dicatatkan sebanyak RM14 juta (2009:RM10.5 juta). Antara aktiviti-aktiviti yang menyokong program pembangunan pemasaran produk asas tani adalah seperti *business matching*, promosi produk Sarang Burung Walit, pembangunan produk *Signature Perak*, pepadanan perniagaan luar negara, promosi di outlet FAMA seperti di Pasar Tani dan Agrobazaar K-Shoppe.

### Market Development Programmes

*The market development programmes for Agro-based Industry (IAT – Industri Asas Tani) continues to further develop, improves and expands the market for IAT products locally and internationally. FAMA conducted various activities throughout 2010 to further expand the marketing and networking relationships as well as improve the sales of IAT products through variety of marketing plan programmes and the provision of marketing support services facilities.*

*FAMA has successfully organized 245 activities throughout 2010 (2009: 293 activities) through the nationwide carnival and exposition programmes. Malaysia Agriculture, Horticulture & Agro Tourism (MAHA) 2010, MoA Inc. Bersama Rakyat, Mini MAHA and Gerak Siswazah Tani were some of the more successful events that were organized. At least 5,029 entrepreneurs (2009:4,332 entrepreneurs) achieved a total sales value of RM14 million (2009:10.5 million) through the marketing of their products. Some of the activities organized to support the marketing development programme for the agro-based products are business matching, Walit Birds Nest Promotions, Signature Silver Product Development, international business matching, promotions at FAMA's outlets such as at Farmers' Market (Pasar Tani) and Agrobazaar K-Shoppe.*



Program Mini MAHA Batu Pahat, Johor.  
Mini MAHA Programme in Batu Pahat, Johor.

## Pembangunan Outlet Pemasar

Agrobazaar K-Shoppe merupakan outlet yang dimiliki oleh usahawan yang menjadi syarikat peneraju bagi pengedaran produk IAT tempatan secara borong atau runcit kepada pengguna. K-Shoppe ini berkonsepkan *showcase* di mana produknya dipamer dan dijual terus kepada pengguna. Pada tahun 2010, FAMA telah berjaya membangunkan 47 buah K-Shoppe (2009:25 buah) yang beroperasi sepenuhnya dengan nilai jualan sebanyak RM26.6 juta.



## Development of Marketers' Outlets

Owned by an entrepreneur, the Agrobazaar K-Shoppe is an outlet that pioneered the distribution of local IAT products at wholesale or retail price to consumers. Based of a *showcase* concept, K-Shoppe display and sell products directly to consumers. In 2010 FAMA managed to set up 47 K-Shoppes (2009:25 shops) that is fully operational with sales value of RM26.6 million.



Agrobazaar K-Shoppe Hamidahku Food Industry, Melaka  
*Agrobazaar K-Shoppe Hamidahku Food Industry, Melaka*

## Program Penjenamaan 1Malaysia Best

Jenama 1Malaysia Best merupakan satu perakuan jenama (*endorsement brand*) yang melambangkan identiti Malaysia untuk meningkatkan jualan dan profil produk-produk berasaskan pertanian di pasaran tempatan dan global. Majlis pelancaran telah diadakan pada 20 Mei 2010 di Mydin USJ, Selangor oleh Y. B. Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani. Sebanyak 1,003 produk telah diiktiraf untuk menggunakan jenama 1Malaysia Best yang melibatkan seramai 215 usahawan. Geran Pengiklanan Usahawan 1Malaysia Best bernilai RM10,000 untuk setiap usahawan dan penyertaan program promosi turut ditawarkan.

## 1Malaysia Best Branding Programme

The 1Malaysia Best Brand is an endorsement brand to reflect the Malaysian identity towards improved sales and the profile of agricultural based products in the domestic as well as the global markets. The Most Honourable Minister of Agriculture and Agro-based Industry launched it in a ceremony held on 20 May 2010 at the Mydin USJ, Selangor. At least 1,003 products were recognized to use the 1Malaysia Best with at least 215 entrepreneurs involved in the scheme. Each entrepreneur and participant of the promotion programme were offered a RM10, 000 1Malaysia Best Entrepreneur Advertising grant.



Majlis Pelancaran Jenama 1Malaysia Best, Mydin USJ, Selangor  
*The Launching Ceremony of 1Malaysia Best Branding, Mydin USJ, Selangor*

## Pembangunan Pusat Pembungkusan dan Perkhidmatan Pemasaran Produk (PUSPRO)

Pusat Perkhidmatan Pemasaran Produk (PUSPRO) telah diwujudkan bagi meluaskan peranan Pusat Memproses Makanan FAMA (PMMF). Sehingga tahun 2010, sebanyak sembilan PUSPRO telah ditubuhkan dan telah memberi manfaat kepada 170 usahawan (2009:153 usahawan) dengan nilai jualan sebanyak RM6 juta (2009:RM5.6 juta). Pusat-pusat ini menjalankan aktiviti pembungkusan dan pelabelan produk, kontrak perniagaan serta program promosi dan publisiti.

## Pasaran Luar Negara

Pada tahun 2010, seramai 103 usahawan bimbingan jabatan dan agensi MoA Inc telah mengikuti pelbagai aktiviti jualan promosi di luar negara dengan pencapaian nilai jualan sebanyak RM6.3 juta. Antara aktiviti yang disertai oleh usahawan IAT adalah seperti pameran perdagangan antarabangsa, misi perdagangan dan karnival jualan, misi jualan dan *business matching* dengan *hypermarket* dan *in-store promotion* di *hypermarket* terkemuka di luar negara.

## Peningkatan Kualiti Produk

Program pembangunan kualiti di FAMA adalah berkonsepkan pengiktirafan jaminan kualiti untuk mencapai 3K (Kualiti, Kuantiti dan Kos). Penembusan pasaran oleh usahawan IAT adalah disokong oleh aktiviti seperti pembangunan kualiti produk, program audit kualiti, penyediaan sijil kesihatan, pensijilan kualiti makanan dan peningkatan imej serta persembahan produk. Aktiviti ini bagi memastikan bekalan produk yang dikeluarkan tidak diragui tahap keselamatannya serta memenuhi kehendak pasaran semasa di dalam dan luar negara. Pencapaian program peningkatan kualiti produk bagi tahun 2009 dan 2010 adalah seperti di Jadual 13.

## Development of the Packaging and Product Marketing Services Centre (PUSPRO)

The Product Marketing Services Centre (PUSPRO – Pusat Perkhidmatan Pemasaran Produk) was established to expand the role of the FAMA Food Processing Centre. Up until the 2010, a total of nine PUSPRO were set up and benefited 170 entrepreneurs (2009:153 entrepreneurs) with a sales value of RM6 million (2009:RM5.6 million). These centres conduct packaging and labelling works, contract businesses as well as promotional and publicity programmes.

## International Market

In the year 2010, at least 103 entrepreneurs under the guidance of MoA Inc departments and agencies had undergone a multitude of promotional sales abroad and achieved a sales value of RM6.3 million. International trade shows, trade mission and sales carnivals, sales mission and business matching with hypermarkets and in-store promotions at major hypermarkets abroad are some of the activities undertaken by the IAT entrepreneurs.

## Products' Quality Improvement

The quality development programme at FAMA is based on the concept of quality assurance towards accomplishing the 3K - Kualiti, Kuantiti & Kos (Quality, Quantity & Cost). Products' quality development, health certification, food quality certification and image building as well as product presentations are some of the strategic market penetration action plans undertaken by the IAT entrepreneurs. These activities are undertaken to ensure that the safety level of the supplied products are assured and meet with the current domestic and international markets. The achievements of the product quality improvement programme for 2009 and 2010 are indicated in Table 13.

**Jadual 13: Pencapaian Program Peningkatan Kualiti Produk Tahun 2009 dan 2010**  
**Table 13: Product Performance Quality Improvement Programmes for 2009 and 2010**

Aktiviti / Activities	Indikator / Indicators	Pencapaian / Achievements	
		2009	2010
Pembangunan Kualiti Produk / Produk Quality Development	Bil. Produk / No. of Products	30	259
	Bil. Pengusaha / No. of Entrepreneurs	15	201
Program Audit Pembekal / Supplier Audit Programme	Bil. Produk / No. of Product	31	15
Penyediaan Sijil Kesihatan / Health Certificate Preparation	Bil. Produk / No. of Products	180	20
Meningkatkan Imej dan Persembahan Produk / Image Enhancement and Product Presentation	Bil. Produk / No. of Products	32	120
	Bil. Pengusaha / No. of Entrepreneurs	35	126

## Pembangunan Modal Insan

Sepanjang tahun 2010, FAMA telah melaksanakan sebanyak 288 program modal insan dengan penglibatan 4,134 peserta seperti di Jadual 14. Program tersebut merangkumi latihan keusahawanan, kursus/seminar, bengkel/taklimat, lawatan dan Hari Bertemu Usahawan. Skop kemahiran yang ditawarkan adalah penjenamaan, pemasaran strategik, jualan berkesan dan pemasaran eksport.

## Human Capital Development

The year 2010 saw FAMA executing a total of 288 human capital programmes that involved 4,134 participants as stated in Table 14. These programmes include entrepreneurial trainings, courses / seminars, workshops / briefings, visits and Meet Entrepreneur Day. Branding, strategic marketing, effective sales and export marketing are the scopes of expertise that were offered.

**Jadual 14: Pencapaian Program Pembangunan Modal Insan Tahun 2009 dan 2010**  
**Table 14 : Performance of Human Capital Development Programmes for 2009 and 2010**

Aktiviti / Activities	Indikator / Indicator	Pencapaian / Achievements	
		2009	2010
<ul style="list-style-type: none"> <li>Latihan keusahawanan / <i>Entrepreneurship Training</i></li> <li>Kursus/Seminar / <i>Courses</i></li> <li>Bengkel/Taklimat / <i>Workshops</i></li> <li>Lawatan / <i>Visits</i></li> <li>Hari Bertemu Usahawan / <i>Meet Entrepreneur's Day</i></li> </ul>	Bil. Latihan / <i>No. of Training</i>	162	288
	Bil. Peserta / <i>No. of Participants</i>	3,699	4,134

## PEMASARAN PRODUK INDUSTRI ASAS TANI

### THE MARKETING OF AGRO-BASED INDUSTRY PRODUCTS

Perkhidmatan yang diberikan oleh FAMA kepada usahawan adalah untuk meningkat dan memperluaskan pasaran produk-produk IAT. Aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan adalah seperti pengedaran, penerokaan dan pembangunan saluran pasaran, pembangunan vendor, penjenamaan, audit kualiti, pembangunan produk, pembukaan outlet-outlet runcit dan promosi produk. Pada tahun 2010, FAMA turut mengedarkan barang-barang kawalan kepada kedai-kedai rakyat di seluruh Malaysia.

FAMA offered services that allow entrepreneurs to improve and expand the market of their IAT products. Distribution, research and development of market outlets, vendor development, branding, quality audit, product development, opening of retail outlets and product promotions are some of the activities that was undertaken. In 2010, FAMA also distributed controlled items to community shops throughout Malaysia.

Secara keseluruhan, nilai jualan produk proses mencatatkan peningkatan sebanyak 14 peratus daripada RM36.93 juta kepada RM42.08 juta pada tahun 2010. Perbandingan prestasi jualan produk proses bagi tahun 2009 dan 2010 adalah seperti di Jadual 15.

Generally, the sales value of processed products registered an increase of 14 percent from RM36.93 million to RM42.08 million in 2010. Table 15 indicated the difference in the sales performance of processed products between 2009 and 2010.

**Jadual 15: Prestasi Jualan Produk Proses bagi Tahun 2009 dan 2010**  
**Table 15: Sales Performance of Processed Products for 2009 and 2010**

Butiran / Particulars	Tahun / Year	
	2009 (RM/juta) / (RM/million)	2010 (RM/juta) / (RM/million)
Edaran / <i>Distribution</i>	18.88	25.04
PMMF	5.22	5.37
Peruncitan / <i>Retail</i>	12.83	9.27
Barang Kawalan / <i>Control Items</i>	-	2.4
<b>Jumlah / Total</b>	<b>36.93</b>	<b>42.08</b>

Faktor-faktor yang menyumbang kepada peningkatan jualan adalah seperti berikut:-

- Penambahan *Stock Keeping Units* (SKU)
- Peningkatan bilangan outlet;
- Pelaksanaan aktiviti-aktiviti promosi *in-store*;
- Pelaksanaan inovasi produk; dan
- Penambahbaikan pembungkusan produk.

Contributing factors towards the increase in sales are:

- Additional Stock Keeping Units* (SKU)
- Increase numbers of retail outlets;
- In-store Promotional Activities*
- Product Innovations*; and
- Improved product packaging*

Pada tahun 2010, SKU produk yang diedarkan telah meningkat kepada 176 SKU daripada 138 SKU pada tahun 2009. Selain itu, bilangan outlet telah bertambah kepada 2,416 outlet berbanding 2,243 outlet pada tahun 2009. Pertambahan ini adalah hasil daripada pelbagai usaha promosi, kerjasama dan rundingan dengan pihak-pihak yang berpotensi untuk menempatkan produk-produk IAT di outlet-outlet mereka. Keutamaan dalam pemilihan diberikan kepada outlet-outlet yang berupaya memberi pulangan yang baik serta mendapat kerjasama pemilik untuk mempamerkan produk di tempat yang strategik dalam outlet mereka. Penambahan outlet terpilih akan ditingkatkan dari masa ke semasa untuk memastikan produk-produk mudah diperolehi oleh pengguna. Sepuluh produk yang mencatatkan edaran paling tinggi adalah Kuah Rojak Madu, Serunding Ayam, Sardine, Kordial Roselle, Seri Kaya Madu, Kerisik, Kordial Mangga, Mee Bandung, Sos Cili Padi dan Bihun Tom Yam.

Program susulan seperti promosi *in-store*, publisiti, jualan promosi dan aktiviti-aktiviti galakan pengunjung telah dilaksanakan bagi memperkenalkan produk-produk baru dan meningkatkan penggunaan produk-produk sedia ada kepada pelanggan. Luang pasaran yang menjadi tumpuan aktiviti promosi adalah seperti pasaraya-pasaraya besar, supermarket, pasar mini, kedai runcit, koperasi, stesen minyak, kafeteria dan institusi latihan dan koperasi-koperasi sekolah.

Segmen jualan menerusi pasaraya-pasaraya utama turut menunjukkan peningkatan jualan kepada RM708,541 pada tahun 2010 (2009:RM621,765) dengan pertambahan sebanyak 13.95 peratus untuk produk-produk IAT yang diedarkan oleh FAMA. Peningkatan ini disumbangkan oleh penambahan 19 produk baharu dan program-program promosi yang diadakan secara berkala di pasaraya-pasaraya yang terlibat. Selain itu, FAMA juga mempergiatkan usaha untuk memantapkan kedudukan produk-produk berjenama Agromas di pasaran Brunei menerusi dua pengedar sedia ada. Hasil daripada usaha tersebut, 47 SKU telah disenaraikan di tiga outlet Giant dan 200 outlet runcit di negara berkenaan. Melihat kepada tren permintaan, citarasa pengguna dan aktiviti promosi yang dijalankan, pasaran Brunei menjanjikan potensi yang baik bagi produk-produk tersebut.

### Outlet Runcit

Outlet runcit FAMA diwujudkan bertujuan untuk memperluaskan luang pasaran bagi membantu usahawan memperkenalkan dan mempromosikan produk-produk mereka. Outlet runcit ini dijadikan pengukur tahap penerimaan pengguna dan potensi produk IAT di pasaran. Pada tahun 2010, sebanyak 17 outlet runcit FAMA telah beroperasi bagi memasarkan produk-produk Agromas, Olemas dan IAT tempatan. Manakala seramai 425 usahawan telah mendapat faedah daripada program ini dan sebanyak 436 SKU produk yang telah dipasarkan. Nilai jualan outlet runcit yang dicatatkan oleh FAMA pada tahun 2010 adalah sebanyak RM9.27 juta.

*In the year 2010, distributed SKU products increase to 176 SKU from 138 SKU in 2009. Apart from that, the number of retail outlets had also increase to 2,416 retail outlets compared to 2,243 outlets in 2009. A variety of promotional efforts, cooperation and discussion with potential parties for IAT products placements contributed towards the increase in the number of outlets. The criteria in the selection of these retail outlets are their capacity for good return as well as the willingness of the owner to display products at strategic positions in their outlet. The number of selected retail outlets will be increased at intervals to ensure the accessibility of products to customers. Kuah Rojak Madu, Chicken Floss, Sardines, Roselle Cordial, Seri Kaya Madu, Kerisik, Mango Cordial, Mee Bandung, Sos Cili Padi and Bihun Tom Yam are the top ten products with the highest amount of distribution.*

*Follow-up programmes such as in-store promotions, publicity, sales promotion and other promotional activities to attract customers were implemented to introduce new product and improve existing products consumption among the customers. Hypermarkets, supermarkets, mini markets, retail shops, co-operatives, petrol stations, cafeteria and training institutions as well as schools' co-operatives are the venues for all these promotional activities.*

*The sales segment through the major supermarkets also registers a sale increase to RM708,541 in 2010 (2009: RM621,765), which is an increase of 13.95 percent for IAT products distributed by FAMA. The increase can contributed to the 19 new products and the promotional activities that were conducted at intervals at all the supermarkets that are involved. FAMA also intensified efforts to enhance the product positioning of brands such as Agromas in the Brunei market through the existing two distributors. These efforts have resulted with 47 SKUs being listed at three Giants outlets and 200 retail outlets in the country. Base on the demand trend, consumers' taste and the executed promotional activities, the Brunei market promise desirable potentials for all these products.*

### Retail Outlets

*The main objective for the establishments of FAMA Retail Outlets is to expand its market to support the entrepreneurs to introduce and promote their respective products. These retail outlets present a benchmark for consumers' acceptance and the potential of IAT products in the market. In the year 2010 a total of 17 FAMA outlets operate to market products of the Agromas, Olemas and domestic IAT brands. Meanwhile, at least 425 entrepreneurs benefited from this programme and 436 SKU products were marketed. FAMA registered a sale value of RM9.27 millions for the retail outlets in 2010.*

## Pembangunan Vendor dan Penjenamaan Produk

Pembangunan vendor dan penjenamaan produk usahawan kepada jenama Agromas dan Olemas adalah untuk memastikan produk yang dipilih dan dijenamakan melepasi tahap atau piawaian yang telah ditetapkan. Pada tahun 2010, seramai empat usahawantelah menyertai program ini yang melibatkan 21 produk baru (2009:19 produk baru). Sehingga kini, seramai 34 usahawan (2009:30 usahawan) telah menjadi vendor FAMA yang melibatkan sebanyak 59 SKU. Untuk meningkatkan keberkesanan pemasaran produk jenama Agromas, FAMA telah melaksanakan penambahbaikan ke atas rekabentuk pembungkusan dan logo Agromas bagi produk yang dipasarkan supaya kelihatan lebih menarik dan setanding dengan produk lain di pasaran.

## Vendor Development and Product Branding

*Entrepreneurs' vendor development and product branding under the brands of Agromas and Olemas are aimed at ensuring the selected products exceed the required standards. In 2010, four entrepreneurs participated in this programme, which covered 21 new products (2009:19 new products). To-date, at least 34 entrepreneurs (2009:30 entrepreneurs) has become FAMA vendors for a total of 59 SKU. In order to improved the effectiveness in marketing of the Agromas brand products, FAMA made some improvements on the packaging design as Agromas logo for the marketed products to make it more attractive and comparable to other products in the market.*



## PENGURUSAN RANTAIAN BEKALAN SUPPLY CHAIN MANAGEMENT

Kerosakan lepas tuai yang tinggi merupakan salah satu faktor penyumbang kerugian kepada sektor pertanian. Kekurangan kemudahan prasarana yang sempurna juga turut menyumbang kepada kelemahan di dalam pengurusan pemasaran produk pertanian. Bagi meningkatkan kecekapan di dalam pengurusan rantai bekalan, pembangunan kemudahan pemasaran dan logistik adalah penting. Melalui penyediaan kemudahan ini, aktiviti pemasaran hasil pertanian dapat dijalankan dengan lebih mudah dan teratur.

Pada tahun 2010, pembangunan infrastruktur pemasaran FAMA diteruskan dalam mempertingkatkan pemasaran hasil pertanian dan kecekapan rantai bekalan (*supply chain management*). Kemudahan-kemudahan seperti pusat pengumpulan dan pengedaran, pasar tani, Terminal Agribisnes Negara (TEMAN), Gerai Buah-buahan Segar (GBBS), Agrobazaar Kedai Rakyat dan Motosikal Tiga Roda terus ditambahbaik dari masa ke semasa bagi memastikan objektif pemasaran tercapai.

### Pusat Pengumpulan

Pusat Pengumpulan (CC) merupakan pusat pengumpulan hasil-hasil pertanian secara berkelompok yang dibina di kawasan ladang. Objektif utama penubuhan CC adalah untuk mengumpul hasil-hasil pertanian, menyebarkan maklumat pasaran dan menjadi pusat pepadanan perniagaan antara pengeluar dengan perantara pasaran. Sehingga Disember 2010, sebanyak 122 buah CC telah dibangunkan di samping menaiktaraf beberapa buah CC yang sedia ada di seluruh negara.

### Pusat Pengedaran

Pusat Pengedaran (DC) merupakan kemudahan infrastruktur pemasaran dan kebanyakan terletak di kawasan bandar yang mempunyai jaringan pengangkutan yang baik bagi memudahkan proses pengangkutan produk pertanian dari CC untuk diedarkan. DC dilengkapi dengan kemudahan asas seperti kemudahan bilik sejuk, logistik (penyimpanan, pengangkutan, pembungkusan, pemeraman), aktiviti kawalan kualiti (pelabelan dan pembungkusan semula) yang bertujuan untuk memantau dan memastikan agar hasil pertanian bermutu tinggi dan mencapai tahap standard piawai seperti yang ditetapkan. Sepanjang tahun 2010, sebanyak tiga buah DC baru telah siap dibina menjadikan jumlah keseluruhannya adalah sebanyak 41 buah berbanding 38 buah pada tahun 2009.

*High post harvest damages were one of the main contributing factors towards the heavy losses suffered by the agriculture sector. Insufficient infrastructure facilities also contributed towards the weakness in the marketing of agricultural products. In order to enhance the level of efficiency in the supply chain management, it is critical to develop marketing facilities and the logistics. Easier and well-planned marketing of agricultural produce are possible through the provision of these facilities.*

*In 2010, FAMA continued to develop its marketing infrastructure to improve the marketing of agricultural produce and the efficiency of the supply chain management. These facilities such the collection and distribution centres, farmers' markets (pasar tani), National Agribusiness Terminal (Terminal Agribisnes Negara – TEMAN), Fresh Fruits Stalls (Gerai Buah-buahan Segar – GBBS), Agrobazaar Kedai Rakyat and Three-wheeled Motorcycles, were continuously enhanced periodically to ensure that the marketing objectives are met.*

### Collection Centre

*The Collection Centres (CC) is where all the agricultural produces are gathered collectively and build in the farming area. The main objective for the establishment of the CCs are to gather the agricultural produce, disseminate market information and play the role of the business matching centre between the producer and the middle-man. A total of 122 CC were set up while several more were upgraded nation wide by December 2010.*

### Distribution Centre

*The Distribution Centres (DC) is one of the marketing infrastructure facilities located in town area that have the facility of good transportation network for ease of transporting the agricultural produce from the CCs for distributions. The DCs are equipped with basis facilities such as the cold room, logistics (storage, transportation, packaging, ripening process) quality control activities (re-labelling and re-packaging) to allow for monitoring to ensure that the agricultural produces are of high quality and meet with the prerequisite standards. At least three DCs were completed in 2010, bringing the total number to 41 compared to 38 in 2009.*



DC Bagan Datoh



DC Kluang



DC Kota Kinabalu



DC Machang

### Terminal Agribisnes Negara (TEMAN)

TEMAN merupakan prasarana moden yang berfungsi sebagai pusat pemborongan hasil-hasil pertanian dan industri asas tani dengan menghubungkan rangkaian pengeluar dan pembekal kepada pengguna. Projek perintis ini merupakan projek utama MoA Inc. (Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani) dan FAMA dalam RMKe-9 bagi membangunkan sektor pemasaran hasil produk pertanian negara. Selain menguruskan aktiviti pemborongan dan pengedaran, konsep TEMAN merangkumi aktiviti seperti peruncitan, lelongan, pembangunan produk, showcase dan business matching, khidmat sokongan kepada para peniaga dan juga hub makanan halal.

#### TEMAN Perak

TEMAN Perak telah beroperasi sepenuhnya pada 2 Ogos 2010 setelah siap dibina pada 22 September 2009. Antara komponen utama yang terdapat di kompleks ini ialah pasar utama, pasar ikan, pasar ayam dan daging, pusat edaran bunga dan ikan hiasan, bangunan pejabat pengurusan, surau dan kafeteria. Sebanyak 294 lot perniagaan terdapat di sini yang terdiri daripada lot buah-buahan, sayur-sayuran, ikan, ayam dan daging dan lot PKS. Sepanjang tahun 2010, pelbagai aktiviti telah dijalankan seperti bengkel, taklimat, seminar dan kursus yang melibatkan peserta-peserta TEMAN.

### National Agribusiness Terminal (TEMAN)

*TEMAN is a modern infrastructure that functions as a wholesale centre for agricultural produce and agro-based industry products by linking the producer and supplier to consumers. This pioneering project is one of MoA Inc (Ministry of Agriculture and Agro-based Industry) within the 9<sup>th</sup> Malaysian Plan (RMK9) towards the development of the marketing sector of the national agricultural products. Apart from managing the wholesaling and distributing activities, the TEMAN concept covers activities such as retailing, auctioning, product development, showcasing and business matching, support services to businesses as well as the halal food hub.*

#### TEMAN Perak

*TEMAN Perak started its operation since 2 August 2010 upon its completion on 22 September 2009. One of the complex main components is the main market, fish market, chicken and meat market, flower and decorative fish distribution centre, management office building, prayer room and cafeteria. A total of 294 business lots were allocated for fruits, vegetables, fish, chicken and meet and PKS lots. A multitude of activities such as workshops, briefings, seminars and courses for TEMAN participants were held throughout the year 2010.*





Blok Pentadbiran / *Administrative Block*



Surau



Pasar Utama / *Main Market*



Pasar Ayam dan Daging / *Chicken and Meat Market*

## TEMAN Kelantan

Sehingga 31 Disember 2010, status kemajuan projek TEMAN Kelantan bagi Fasa I (kerja-kerja tanah) dan Fasa II (blok pentadbiran, blok sayur dan buah) telah siap sepenuhnya. Manakala bagi kerja-kerja pembangunan Fasa 2 (a) (blok ikan, ayam dan daging) sedang dijalankan. Projek mega ini dijangka akan beroperasi mula pada pertengahan tahun 2011.

## TEMAN Kelantan

By 31 December 2010 the progress of the Phase I (earthworks) and Phase II (administrative block, vegetable and fruit block) have reach the status of completion. Meanwhile, development of Phase 2 (a) (fish, chicken and meat blocks) is in progress. This mega project is expected to be fully operational by middle of 2011.



Blok Pentadbiran / *Administrative Block*



Blok Buah dan Sayur / *Fruit and Vegetable Block*

## Pasar Tani

Pasar Tani yang diperkenalkan sejak 25 tahun yang lalu bertujuan untuk mewujudkan ruang pasaran kepada pengeluar untuk memasarkan hasil keluaran mereka sendiri terus kepada pengguna. Lokasi pertama Pasar Tani yang dibuka pada 31 Januari 1985 adalah di perkarangan Kompleks Bilik Sejuk FAMA di Tampoi, Johor Bahru. Konsep yang diperkenalkan pada masa itu adalah bercirikan mudah alih dengan menggunakan payung berwarna dan bersuasana karnival dengan identiti tersendiri.

Di awal penubuhannya, hanya terdapat 12 buah Pasar Tani yang melibatkan seramai 317 orang peserta dan nilai jualan yang dicatatkan adalah RM1.4 juta. Sehingga Disember 2010, jumlah keseluruhan Pasar Tani di seluruh negara adalah sebanyak 442 buah (2009:364 buah) dengan melibatkan seramai 20,214 peserta (2009:17,298 peserta). Nilai jualan yang direkodkan melalui program ini pada tahun 2010 adalah RM558 juta (2009:490 juta) iaitu peningkatan sebanyak 13 peratus. Pada masa kini, Pasar Tani telah berkembang dan dilihat sebagai rangkaian pemasaran yang berjaya serta menyumbang kepada kemajuan pembangunan ekonomi negara.

## Farmers' Market

*The Farmers' Market that was introduced 25 years ago was aimed at providing a market place for the producers to market their produce directly to the consumer. The first Farmers' Market was opened for business on 31 January 1985 at the compound of FAMA Cold Room in Tampoi, Johor Bharu. The concept at the point in time was to have a mobile feature by utilizing big umbrellas with carnival environment and its own identity.*

*In the beginning, there were only 12 Farmers' Market with 317 participants with the sales value of RM1.4 million was registered. Up until December 2010, the total number of Farmers' Market around the country has reach 442 in numbers (2009:17,298 participants). The sales value that was recorded through this programme in the year 2010 was RM558 millions (2009:RM490 millions), which is an increase of 13 percent. Today the Farmers' Market has grown and is considered as a marketing chain that is successful and contributes towards the economic development of the nation.*



## Gerai Buah-Buahan Segar (GBBS)

Program Gerai Buah-buahan Segar (GBBS) merupakan satu pendekatan baru dalam membangunkan usahawan untuk memasarkan buah-buahan tempatan di seluruh negara. Melalui program ini, gerai buah-buahan milik usahawan yang dipilih akan dibangunkan oleh FAMA bagi menampilkan imej gerai yang menarik, teratur, kemas dan peragaan yang seragam. Gerai usahawan yang terpilih akan dibekalkan secara pinjaman dengan peralatan GBBS yang bersesuaian mengikut kategori gerai dan jenis buah yang diurusniagakan. Antara peralatan yang dipinjamkan adalah terdiri daripada kanopi, rak peragaan, papan tanda, bahan promosi dan sebagainya.

Program GBBS ini telah dimulakan pada bulan April 2006 di seluruh negara dan dikenali sebagai Gerai Buah Bimbingan FAMA (GBBF). Pada Julai 2007, GBBF telah ditukar namanya kepada GBBS. Program ini bukan sahaja berperanan membangunkan usahawan, malah yang lebih penting rangkaian GBBS yang dibangunkan di seluruh negara dapat digunakan sebagai outlet-outlet jualan yang merupakan salah satu daripada mekanisma yang paling berkesan dan cepat dalam menangani dan mengurangkan isu lambakan buah-buahan terutamanya bagi jenis buah-buahan bermusim.

Sehingga Disember 2010, sebanyak 419 unit gerai telah dibangunkan oleh FAMA (2009:392 unit) dengan melibatkan seramai 347 usahawan (2009:320 usahawan). Nilai jualan yang direkodkan pada tahun 2010 adalah RM219 juta (2009:RM198 juta) iaitu peningkatan sebanyak 11 peratus. Secara amnya, program ini terbukti berjaya meningkatkan pendapatan para usahawan dengan imej gerai yang teratur, menarik dan sistematik. Peningkatan jualan sebanyak 30 peratus selepas setahun menyertai GBBS telah menarik lebih banyak penyertaan para usahawan di samping dapat melonjakkan imej GBBS sebagai pusat jualan hasil buah-buahan tempatan yang terkenal di seluruh Malaysia dari tahun ke setahun.



Kategori Medan / *Square Category*  
GBBS Marang, Terengganu

## Fresh Fruits Stall (GBBS)

*The Fresh Fruits Stall (GBBS) is a new approach in Entrepreneur development to market local fresh fruits throughout the country. The programme calls for the selected stalls owned by the entrepreneurs to be developed by FAMA to project an image of a stall that is attractive, organized, orderly and uniformed display. Selected entrepreneurs' stalls will be supplied with the appropriate GBBS equipment on loan basis and according to the type of fruits traded. Among the equipments on loan the canopy, display racks, signage, promotional materials and etc.*

*The GBBS Program started in April 2006 throughout the country and is known as the FAMA Guided Fruit Stalls (GBBF – Gerai Buah Bimbingan FAMA). In July 2007, GBBF was changed to GBBS. This program took on the role to develop entrepreneurs and more significantly, the GBBS network that was established nationwide also serves as sales outlets, providing an effective and speedy mechanism in mitigating the fruit dumping issues especially for seasonal fruits.*

*A total of 419 stalls were set up by FAMA by December 2010 (2009:392 units) with 347 entrepreneurs participating (2009:320 entrepreneurs). The sales value that was registered in 2010 was RM219 million (2009: RM198 million) which is an increase of 11 percent. Generally, the programme has proven to be successful in improving the entrepreneurs' income with a stall's image that is organized, attractive and systematic. The 30 percent increase in sales after a year participating in the GBBS attracts more participation as well as enhancing GBBS image as a popular local fruits sales centre throughout Malaysia from year to year.*



Kategori Polycarbonate / *Polycarbonate Category*  
GBBS Tanjung Minyak, Melaka



Kategori Bangunan Kekal / *Fix Building Category*  
GBBS Serendah, Selangor



Kategori Kanopi 20'x20' / *Canopy 20'x20'*  
GBBS Seri Manjung, Perak

### Agrobazaar Kedai Rakyat (AKR)

Program Agrobazaar Kedai Rakyat (AKR) yang diwujudkan secara khusus adalah bertujuan untuk membantu meringankan beban rakyat yang berpendapatan rendah dan sederhana terutamanya di kawasan luar bandar dengan menjadikan AKR sebagai pusat pembelian hasil pertanian yang diusahakan secara kecil-kecilan oleh orang kampung serta yang diraih oleh peserta program Motosikal Tiga Roda (M3R). Selain daripada menjual barangan keperluan harian pada harga yang berpatutan AKR juga berperanan mengedarkan barangan kawalan, produk-produk Industri Kecil dan Sederhana (IKS) dan produk jenama Agromas dan Olemas yang dibekalkan oleh FAMA. Pada amnya AKR adalah merupakan premis perniagaan milik usahawan yang menjalankan perniagaan barangan runcit yang dibangunkan dengan bagi tujuan menampilkan imej yang menarik, tersusun, kemas dan seragam di seluruh Malaysia.

Faedah yang diperolehi oleh beberapa golongan kumpulan sasaran seperti penduduk setempat, usahawan IKS, peserta M3R dan peserta program itu sendiri daripada program ini menjadikan ianya sebagai salah satu daripada mekasma yang memberi impak yang besar dan berkesan dalam membantu usaha-usaha Kerajaan menangani inflasi dan kenaikan harga barangan terutamanya bagi golongan penduduk di luar dan pinggir bandar.

Objektif Agrobazaar Kedai Rakyat ialah:

- i. Sebagai tempat mengumpul, membeli dan menjual hasil-hasil pertanian yang diusahakan oleh orang-orang kampung;
- ii. Menjual barangan keperluan asas termasuk barangan kawalan seperti beras, gula, tepung, dan minyak masak yang dibekalkan oleh FAMA dengan harga yang telah ditetapkan;
- iii. Membeli hasil pertanian daripada usahawan Motosikal Tiga Roda FAMA yang berperanan sebagai peraih yang mengumpul hasil-hasil pertanian di kampung-kampung;
- iv. Sebagai outlet jualan produk Industri Kecil dan Sederhana (IKS) yang dikeluarkan oleh usahawan di kampung-kampung.

### Agrobazaar Kedai Rakyat (AKR)

*The Agrobazaar Kedai Rakyat (AKR) Program that was formulated especially to aid in reducing the low and middle income community especially in the rural area by turning AKR into a selling centre for agricultural produces. Operated on a small scale by the villagers it will also assisted by the participants of the Three-wheeled Motorcycle Program (M3R). Apart from selling daily groceries at reasonable price, AKR also undertake the role to distribute controlled items, products from the small and medium size industries (SMI) as well as Agromas and Olemas brands supplied by FAMA. By and large, AKR is established to project an image of attractive, well-organized, orderly and standardized business premise that is owned by the entrepreneurs who operate retail businesses.*


*The fact that it benefited several target groups such as the local populace, SMI entrepreneurs, M3R participants and the program participants themselves, makes this program as an impactful mechanism that is effective in aiding Government's efforts to mitigate inflation and the price increase of grocery items especially for the rural and suburb areas.*

*The objectives of Agrobazaar Kedai Rakyat are:*

- i. A place to gather, buy and sell agricultural products made by the villagers;*
- ii. To sell basic provisions including controlled merchandise such as rice, sugar, flour and cooking oil supplied by FAMA at a fixed price;*
- iii. To buy agricultural produce from FAMA Three-wheeled Motorcycles entrepreneurs who served as dealers who gather agricultural produce from the villagers;*
- iv. To serve as an outlet to sale small and medium size industry (IKS) products made by the village entrepreneurs.*

Pada tahun 2010, sebanyak 50 buah Agrobazaar Kedai Rakyat telah dibangunkan. Ini menjadikan jumlah keseluruhan bagi Agrobazaar Kedai Rakyat adalah sebanyak 95 buah (2009:45 buah) dengan melibatkan 95 usahawan (2009:45 usahawan). Berikut adalah perbandingan bilangan Agrobazaar Kedai Rakyat yang telah dibangunkan mengikut negeri bagi tahun 2009 dan tahun 2010 seperti Rajah 4.

*In the year 2010, a total of 50 Agrobazaar Kedai Rakyat were setup. This brought the total number of shops to 95 shops (2009:45 shops) that involved 95 entrepreneurs (2009: 45 entrepreneurs). Diagram 4 shows the difference numbers of Agrobazaar Kedai Rakyat that were set up in 2009 and 2010.*



**Rajah 4: Perbandingan Agrobazaar Kedai Rakyat Tahun 2009 dan 2010**  
**Diagram 4: Comparison of Agrobazaar Kedai Rakyat Year 2009 and 2010.**



Agrobazaar Kedai Rakyat 1673 Batu 3 Parit Kasa, 14320 Nibong Tebal, Pulau Pinang.

### Motosikal Tiga Roda (M3R)

Program usahawan Motosikal Tiga Roda (M3R) telah dimulakan pada tahun 2009 dan merupakan sebahagian daripada komponen Projek Kedai Rakyat (AKR). Usahawan Motosikal Tiga Roda berperanan sebagai peraih membeli hasil-hasil pertanian yang diusahakan oleh orang kampung dan petani kecil dalam membantu mengatasi masalah lebihan hasil-hasil pertanian di kawasan luar bandar. Hasil-hasil pertanian yang diraih dibekalkan kepada

### Three-wheeled Motorcycle

*The Three-wheeled Motorcycle entrepreneur programme started in 2009 and was part of the components of the Agrobazaar Kedai Rakyat Project. The Three-wheeled Motorcycle entrepreneurs served as dealers who buy agricultural products made by the villagers and small time farmers in order to help counter the agricultural produce surplus problem in the rural areas. These agricultural produce would then supplied to the chain of Agrobazaar Kedai Rakyat and Fresh Fruits Stall (GBBS) our directly to*

rangkaian Agrobazaar Kedai Rakyat dan Gerai Buah-buahan Segar (GBBS) atau jualan terus melalui Pasar Tani. Kumpulan sasar projek ini adalah terdiri daripada usahawan yang telah menjalankan aktiviti meraih hasil pertanian di kampung-kampung.

Di bawah program ini, usahawan diberi bantuan Motosikal Tiga Roda dengan pembiayaan sebanyak 50 peratus melalui bantuan geran kerajaan dan 50 peratus lagi dibiayai melalui bayaran balik oleh usahawan secara ansuran bulanan. Motosikal tersebut akan menjadi milik usahawan setelah bayaran bulanan motosikal tersebut diselesaikan. Anggaran nilai jualan untuk 80 usahawan Motosikal Tiga Roda untuk tahun 2009 sebanyak RM2.8 juta dengan anggaran bilangan kuantiti sayur-sayuran yang berjaya dijual sekitar 5 ribu tan metrik secara keseluruhannya. Sehingga akhir tahun 2010, sejumlah 80 buah Motosikal Tiga Roda telah serahkan kepada usahawan peraih yang layak diseluruh negara. Manakala sejumlah 126 buah Motosikal Tiga sedang dalam proses pengagihan.

*consumers at the Farmers' Market. This project is targeted to entrepreneurs who have been running the activities of dealing with the villages' agricultural produce.*

*Entrepreneurs who participated in the programme are provided with a Three-wheeled Motorcycle at 50 percent financing through government grants and another 50 percent through payback financing on a monthly basis. They will own the motorcycle upon completion of payments. The estimated sales values for 80 Three-wheeled Motorcycle entrepreneurs in 2009 were RM2.8 millions with an estimated 5,000 metric tonnes of vegetables sold. Up until end of 2010, a total of 80 Three-wheeled Motorcycle were handed over to qualified entrepreneur dealers nationwide. Meanwhile another 126 Three-wheeled Motorcycles are being processed for dissemination.*



Nama Usahawan: En. Mahamad Tahir  
Tasek Gelugor, Pulau Pinang



Nama Usahawan: En. Wan Zakaria Bin Wan Embong  
Kampung Banggol, Terengganu



## PROMOSI DAN EKSPORT PROMOTION AND EXPORT

### Program Promosi

Selaras dengan penekanan baru FAMA untuk meningkatkan penguasaan pasaran bagi produk agro-makanan di pasaran domestik dan antarabangsa, kegiatan promosi yang dilaksanakan pada tahun 2010 lebih menekankan kepada aktiviti promosi jualan untuk memperkukuhkan prestasi jualan oleh bahagian pemasaran. Di dalam negara, produk-produk yang diberi keutamaan ialah pokok hiasan, sayur-sayuran dan buah-buahan bermusim seperti durian, rambutan, nangka dan mangga. Untuk pasaran luar negara, tumpuan promosi adalah kepada buah-buahan yang mempunyai potensi eksport seperti durian sejukbeku, belimbing, mangga harumanis, nangka, nanas dan tembikai tanpa biji. Di samping itu, langkah untuk meningkatkan penggunaan dan saiz pasaran produk agro-makanan dalam negara masih diteruskan melalui penganjuran aktiviti-aktiviti promosi jualan di pasaraya-pasaraya, Pasar Tani, pameran pengguna serta pesta atau karnival jualan. Pendekatan yang digunakan adalah dengan memberi pengetahuan dan meningkatkan kesedaran pengguna tentang kepentingan pemakanan atau khasiat yang terkandung dalam buah-buahan dan sayur-sayuran tempatan. Selain itu, penekanan juga diberikan pada aspek jaminan kualiti dan keselamatan makanan dalam diet harian yang seimbang untuk menjaga kesihatan diri dan keluarga.

Pada sepanjang tahun, FAMA telah berjaya melaksanakan 426 aktiviti promosi dalam negara yang dikendalikan di peringkat ibu pejabat, negeri dan daerah. Sebahagian daripada promosi tersebut dilaksanakan dengan kerjasama pihak Non-governmental Organization (NGO) dan pihak swasta. Antara pameran yang telah disertai adalah SMART Kids 2010, Malaysia International Halal Showcase (MIHAS), Floria Putrajaya dan Malaysia International Food and Beverages (MIFB) 2010 dan MAHA 2010.

### Promotional Programme

Promotional activities were executed throughout 2010 with much emphasis being given to sales promotion activities to further strengthen sales performance by the marketing division, in line with FAMA's new focus to increase market share for agro-food products in both domestic and international market. Products that were given priorities in the domestic market are essentially ornamental plants, vegetables and seasonal fruits such as frozen durian, starfruit, harumanis mango, pineapple and seedless watermelon. Efforts were also being undertaken to further increase the consumption and market size for agro-food products by organizing sales promotion activities at supermarkets, farmers' markets, consumer fairs as well as fiesta or sales carnivals. The approach taken was by generating consumer awareness through dissemination of information on the importance of nutrition of local fruits and vegetables. Emphasis was also given to quality and food safety aspect for a balance daily diet for the whole family.

Throughout the year, FAMA had successfully implemented 426 promotional activities nationwide at headquarters, states and districts level. Part of the campaign was carried out in collaboration with the Non-Governmental Organization (NGO) and the private sectors. Among the exhibitions participated were the SMART Kids 2010, Malaysia International Halal Showcase (MIHAS), Floria Putrajaya and Malaysia International Food and Beverages (MIFB) MAHA 2010 and 2010.



Penyertaan FAMA dalam Smart Kids 2010  
FAMA's Participation at Smart Kids 2010

Semasa MAHA 2010 berlangsung, FAMA telah mempromosikan pelbagai resepi buah-buahan dan sayur-sayuran tempatan kepada pengunjung-pengunjung. Pada kesempatan tersebut juga FAMA telah mempromosikan resepi-resepi daripada “Buku Resepi Mudah Untuk Kanak-kanak” terbitan FAMA dengan kerjasama Puan Mohana Gill, seorang penulis buku resepi yang pernah memenangi anugerah penulisan resepi di peringkat antarabangsa.



Demonstrasi Resepi dari Buku Resepi Mudah Kanak-kanak Terbitan FAMA dan Pn. Mohana Gill semasa MAHA 2010  
*Recipe Demonstration from Buku Resepi Mudah Kanak-kanak by FAMA and Mrs Mohana Gill during MAHA 2010*

Program untuk memperkukuhkan syer pasaran melalui penjenamaan juga merupakan agenda promosi yang diberi penekanan pada tahun 2010. Aktiviti mempromosi jenama 1Malaysia Best untuk produk-produk keluaran usahawan makanan Industri Asas Tani turut dilaksanakan bagi memperkenalkan dan mempertingkatkan penyertaan usahawan di bawah program penjenamaan 1Malaysia Best.



Promosi Produk Usahawan Jenama 1Malaysia Best  
*Promotion of Entrepreneur Products under 1Malaysia Best Brand*

*FAMA promoted a variety of fruits and vegetables recipes to consumers at the MAHA 2010. FAMA took the opportunity of the occasion to also promote recipes from the “Buku Resepi Mudah Kanak-kanak” published by FAMA in collaboration with Mrs Mohana Gill, an international award-winning recipes author.*



Pameran Buah dan Sayur Berkualiti Tinggi, MAHA 2010  
*Display of High Quality Fruits and Vegetables, MAHA 2010*

*Program to strengthen market share through branding is also one of the promotional agenda that was emphasized in the year 2010. Activities to promote 1Malaysia Best brand of food products produced by Agro-based entrepreneurs were also undertaken to promote and enhance entrepreneurs participation under the 1Malaysia Best branding program.*





Sebagai langkah untuk menyokong promosi produk jenama Agromas dan Olemas kepada pengguna tempatan, aktiviti periklanan mengikut kluster pengguna telah diteruskan melalui beberapa majalah tempatan dan direktori terpilih. Bagi aktiviti pendidikan pengguna pula, FAMA telah menerbitkan beberapa jenis bahan cetak seperti risalah, buku resepi, buku panduan kecil serta menyiarkan rencana bertulis (*advertorials*) di majalah-majalah untuk memberikan panduan dan maklumat kepada pembaca tentang kebaikan produk yang dipromosi.

*As an effort to support promotion of Agromas and Olemas product brand to domestic consumers, advertising activities was done according to consumer clusters through selected local magazines and directories. For educational purposes, FAMA published several printed materials such as pamphlets, recipe books and small booklets as well as placing advertorials in magazines to provide guidance and information on the benefits of products under promotion.*



Iklan Jenama 1Malaysia Best di Media  
*Advertisement of the 1Malaysia Best Brand in the Media*



Buku Maklumat Khasiat dan Panduan Cara Makan Buah-buahan Tempatan "Discovering Malaysia Fruits"  
*Book on Nutrition Information and Guides on Eating Local Fruits "Discovering Malaysia Fruits"*

## Promosi Eksport

Untuk menggalakkan eksport produk agro-makanan, program promosi luar negara FAMA dijalankan untuk meneroka dan meluaskan eksport melalui aktiviti meningkatkan kesedaran pengguna antarabangsa terhadap produk keluaran FAMA dan usahawan bimbingan FAMA. Sebanyak 37 aktiviti luar negara telah dijalankan pada sepanjang tahun lepas. Teras pelaksanaan aktiviti luar negara 2010 adalah menjalin kolaborasi dengan pengimport, pengedar dan pasaraya luar negara dalam menjalankan aktiviti promosi. Tujuan utama mengadakan promosi ialah untuk memperluaskan pasaran ke destinasi eksport di Amerika Syarikat, Jerman, Belanda, Dubai, Brunei, Singapura, Vietnam, Hong Kong, China, Jepun dan Australia. Bagi memupuk kesedaran pengguna terhadap produk agro-makanan di luar negara, FAMA berkerjasama dengan pihak Kaunselor Pertanian, Kedutaan Besar Malaysia dan lain-lain agensi dan kementerian yang berkaitan.

## Export Promotion

*FAMA embarked on international promotional program to promote exports of agro-food products as well as to explore and expand exports through various international consumer awareness campaigns on products of FAMA and FAMA guided entrepreneur. A total of 37 international activities were executed throughout last year. The core thrust of international activities for 2010 was to establish collaborations with international importers, distributors and supermarkets to embark on promotional activities. The main objective of promotion is to expand the export market in exports destinations like United States of America, Germany, Netherland, Dubai, Brunei, Singapore, Vietnam, Hong Kong, China, Japan and Australia. FAMA also co-operated with Agricultural Counsellors, Malaysian Embassy and other related agencies and ministries, to generate awareness among consumers on agro-food products abroad.*

Produk-produk yang terlibat ialah buah-buahan dan produk proses Industri Asas Tan (IAT) kategori pes masakan, snek dan *confectioneries*, minuman dan kordial, sos dan lepa serta produk sejuk beku.

*Products involved include processed products of Agro-based Industry (IAT), cooking paste category, snacks and confectioneries, drinks and cordial, sauces and spreads as well as frozen food products.*

FAMA juga telah memulakan usaha untuk menerokai pasaran Amerika Syarikat bagi enam jenis jem buah-buahan tempatan jenama Agromas yang menggunakan rekabentuk logo serta label baru yang berbeza dari jem Agromas di pasaran tempatan. Jenis jem buah-buahan yang di maksudkan ialah belimbing, manga, nanas, *pink guava*, roselle dan jem campuran *star dragon fruit*. Jem buah-buahan tropika masih belum banyak terdapat di pasaran negara tersebut. Produk akan disasarkan untuk memasuki *niche market* sektor peruncitan dan institusi makanan.



Rekabentuk Logo Agromas Untuk Pasaran Amerika Syarikat  
*Agromas new logo design for the market in United States of America*

*FAMA had also initiated on efforts to explore the markets in United States of America for six type of local fruit jams under Agromas brands, featuring new logo design as well as new labels that differ from those in domestic market. The types of fruit jams are starfruits, mangoes, pineapple, pink guava, Roselle and star dragon fruit mixed jams. Tropical fruit jams are still not widely available in the American market. These products are targeted to enter the niche market for the retail sector and food institutions.*



Enam Jenis Jem Buah-buahan Jenama Agromas untuk Pasaran Amerika Syarikat  
*Six types of Fruit Jam under the Agromas Brand for US market*

Selain menerajui penyertaan pameran perdagangan luar negara atas kapasiti sendiri. FAMA telah mengendalikan tiga program bagi pihak kementerian di bawah *Agriculture Marketing and Investment Mission (AMIM)* iaitu *Malaysia-Xian Trade Exhibition* di Xian, Shaanxi China; *Yantai International Fruit/Vegetables Exhibition* di China dan *1Malaysia Best Halal Frozen Food Carnival* di Perth, Australia. Seramai 99 usahawan dan pengeksport telah mendapat faedah daripada program di atas dengan potensi perdagangan berjumlah RM 70.7 juta. Sebanyak 1,043 pertanyaan perdagangan telah diterima oleh industri yang terlibat di bawah program FAMA.

*Apart from pioneering participation in international trade exhibition on its own capacity, FAMA handled 3 programs on behalf of the ministry under the Agriculture Marketing and Investment Mission (AMIM) that include Malaysia-Xian Trade Exhibition in Xian, Shaanxi China; Yantai International Fruit/Vegetables Exhibition in China and 1Malaysia Best Halal Frozen Food Carnival in Perth, Australia. A total of 99 entrepreneurs benefited from the program with RM70.7 million trade potentials. A total of 1,043 enquiries were received by the industry that was involved under FAMA program.*



1Malaysia Best Exhibition  
Stadium HCM, Ho Chi Minh City, Vietnam



Penyertaan FAMA dalam CAMFOOD'10, Phnom Penh Exhibition & Convention Centre, Cambodia.  
*FAMA Participation at The CAMFOOD'10, Phnom Penh Exhibition & Convention Centre, Cambodia*



Pada tahun 2010, FAMA buat pertama kalinya telah menyertai *Melbourne International Flower & Garden Show (MIFGS)* sebagai inisiatif awal untuk mempromosikan bunga orkid dan dedaun hiasan ke sektor pasaran Australia. Pameran ini telah diadakan di *Royal Exhibition Building* di Carlton Garden. Selain Jepun, Australia merupakan destinasi yang berpotensi untuk pengeksportan orkid Malaysia.

*In 2010, FAMA participated in the Melbourne International Flower & Garden show (MIFGS) for the very first time as part of its initiative to promote orchids and decorative leafy plants to the Australian market sector. The exhibition was held at the Royal Exhibition Building at Carlton Garden. Apart from Japan, Australia is a potential destination for the exports of Malaysian Orchids.*



Penyertaan FAMA dalam Melbourne International Flower & Garden Show (MIFGS)

*FAMA's Participation at The Melbourne International Flower & Garden Show (MIFGS)*



Anugerah yang Dimenangi oleh FAMA dalam Melbourne International Flower & Garden Show (MIFGS)

*The Award Won by FAMA at The Melbourne International Flower & Garden Show (MIFGS)*

## Percubaan Hantaran Eksport

Dalam usaha meluaskan pasaran ke luar negara, FAMA turut mempelopori aktiviti awalan pemasaran eksport yang merangkumi hantaran akses pasaran dan hantaran percubaan eksport. Aktiviti tersebut bertujuan untuk menilai kesesuaian sesuatu kaedah hantaran dan juga aspek-aspek teknikal berkaitan dengan pembungkusan serta keperluan logistik yang

## Trial Shipment

*As an efforts to expand markets abroad, FAMA also initiated export-marketing activities that cover market access shipment and export trial shipment. These activities are meant to evaluate the suitability of shipment methods and other technical aspects that are related to packaging as well as logistic requirements that are applicable in the delivery of export products on a commercial basis.*

akan digunapakai dalam hantaran produk eksport secara komersil. Bagi program ini, penumpuan diberikan kepada negara-negara Kesatuan Eropah, Timur Tengah, ASEAN dan Asia Timur.

Pada bulan April 2010, FAMA buat pertama kalinya telah menjayakan hantaran akses pasaran Mangga Harumanis ke Jepun. Hantaran tersebut merupakan syarat wajib yang perlu dipatuhi oleh Malaysia sebelum pihak berkuasa Jepun memberi kebenaran kepada Malaysia untuk mengeksport secara komersil ke pasaran tersebut. Hantaran tersebut telah dilaksanakan bersama dengan Jabatan Pertanian dan MARDI.



Hantaran Akses Pasaran Mangga Harumanis ke Jepun, April 2010  
*Market Access Shipment of Harumanis Mangoes to Japan, April 2010*

FAMA juga telah melaksanakan hantaran percubaan eksport bagi tebu potong dan nangka diproses minima ke Dubai pada tahun lepas. Hantaran ke destinasi tersebut dilaksanakan dengan kerjasama pengimport di Dubai yang bertujuan untuk membuat pemerhatian ke atas kesesuaian suhu dan pembungkusan produk tersebut untuk pasaran peringkat borong. Dalam tempoh Januari hingga Disember tahun lepas, FAMA telah mengendalikan 44 hantaran produk ke luar negara termasuk percubaan eksport ke Hong Kong, China, Dubai dan Jepun. FAMA turut menjayakan 5 hantaran simulasi produk bersama MARDI dan Jabatan Pertanian. Hantaran promosi durian sejukbeku ke Shanghai dan Hong Kong juga telah dilaksanakan pada tahun lepas.

*The program focuses on countries within the European Community, Middle East, ASEAN and the Far East.*

*In April 2010, FAMA had successfully embarked on the first market access shipment Harumanis mangoes to Japan. The delivery was a prerequisite that must be complied by Malaysia before the Japanese authority would permit Malaysia to export on a commercial scale to that market. The delivery was made in co-operation with the Department of Agriculture and MARDI.*



*FAMA also expedited the export trial shipment for minimally processed sugar cane and jackfruit to Dubai last year. The delivery to that particular destination was made in co-operation with an importer from Dubai and is aimed at observing the temperature suitability and product packaging for the wholesale market. FAMA handled 44 deliveries of products abroad, including export trials to Hong Kong, China, Dubai and Japan, from January to December last year. FAMA had also successfully carried out 5 simulation shipments in co-operation with MARDI and the Department of Agriculture. Promotional shipments of frozen durians to Shanghai and Hong Kong were also expedited last year.*



Hantaran Percubaan Tebu Diproses Minima ke Dubai  
*Trial Shipment of Minimally Processed Sugar Cane to Dubai*



Hantaran Percubaan Nangka Diproses Minima ke Dubai  
*Trial Shipment of Minimally Processed Jackfruit to Dubai*

## Bimbingan Eksport

Untuk membimbing pengeksport baru, FAMA berperanan memberikan khidmat nasihat dan bertindak sebagai pemudah cara dengan menawarkan panduan asas berkaitan pembungkusan produk dan dokumentasi eksport. Jalinan kerjasama telah diwujudkan dengan persatuan pengeksport, persatuan penanam, usahawan pengeksport IAT dan perantara pasaran untuk memperolehi maklumbalas untuk tujuan perancangan program bagi memajukan industri pengeksportan hasil pertanian negara. Pada tahun lepas, sebanyak 76 pengeksport telah mendapat khidmat nasihat dan bimbingan daripada FAMA.

## Export Guidance

*FAMA played an advisory role to guide in product packaging and exports documentation. A co-operation had been established with exporters association, growers association, agro-based product exporters and market intermediaries to obtain feedbacks that will be incorporated in planning programs to further develop the export industry of the countries agricultural produce. Last year, a total of 76 exporters obtained advisory services and guidance from FAMA.*

## PAMERAN PERTANIAN, HORTIKULTUR DAN AGRO PELANCONGAN (MALAYSIA AGRICULTURE, HORTICULTURE AND AGROTOURISM SHOW - MAHA) 2010 MALAYSIA AGRICULTURE, HORTICULTURE AND AGRO-TOURISM SHOW – MAHA 2010

MAHA 2010 dan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK) 2010 telah berjaya dianjurkan sebagai pameran perdagangan yang terbesar di negara ini selama 10 hari mulai 26 November hingga 5 Disember 2010 dengan menampilkan tema 'Inovasi Pertanian Pemangkin Pembangunan' di Taman Ekspo Pertanian Malaysia, Serdang (MAEPS), Selangor. Majlis Perasmian gilang-gemilang telah disempurnakan oleh Y.A.B. Perdana Menteri pada 27 November 2010 dengan dihadiri oleh seramai 5,000 orang jemputan yang terdiri daripada tetamu kehormat iaitu Y.B. Menteri-menteri, Y.A.B. Menteri Besar/Ketua Menteri, Y.B. Exco-exco, pegawai-pegawai tertinggi kerajaan dan swasta serta para petani, penternak dan nelayan.



Program MAHA yang diadakan dua tahun sekali ini telah berjaya menarik seramai 2.66 juta pengunjung (2008:1.2 juta), menjana hasil jualan pelbagai sektor sebanyak RM23.58 juta (2008:RM9.69 juta) dengan pesanan jualan berpotensi sebanyak RM152.26 juta (2008:133 juta) serta pertanyaan perdagangan berpotensi (*potential trade enquiries*) sebanyak 184,331 pertanyaan (2008:155,000 pertanyaan). Selain itu, MAHA 2010 juga telah berjaya memecahkan rekod MAHA 2008 di dalam Malaysia Book of Records dengan bilangan penyertaan pameran terbanyak meliputi 2,502 buah ruang pameran berbanding hanya 1,918 ruang pameran pada tahun 2008. Penyertaan ini melibatkan 22 negara luar di samping syarikat-syarikat swasta tempatan dan luar negara yang berasaskan pertanian, kementerian-kementerian, jabatan dan agensi kerajaan, kerajaan-kerajaan negeri serta pengeluar perusahaan kecil dan sederhana.

*MAHA 2010 and the National Planters, Farmers and Fishermen Day (HPPNK) 2010 were successfully organised as the largest trade show in the country and lasted for 10 days from 26 November 2010 to 5 December 2010 carrying the theme Agricultural Innovation for Growth at the Malaysian Agriculture Expo Park, Serdang (MAEPS), Selangor. A glorious launching ceremony was officiated by the Prime Minister on 27 November with 5,000 guests that include Ministers, Chief Ministers, Exco Members, government and private senior officials as well as farmers and fishermen were in attendance.*



*The biennial MAHA succeeded in attracting approximately 2.66 million visitors (2008:1.2 million), generate RM23.58 (2008: RM9.69 million) in sales from various sectors with RM152, 26 million (2008:RM133 million) in potential sales order as well as 184,331 (2008:155,000 enquiries) potential trade enquiries. MAHA 2010 also managed to accomplish a record-breaking number of exhibition participation of 2,502 exhibition booths that was held by MAHA 2008 in the Malaysia Book of Records that registered only 1,918 exhibition booths. There were participations from 22 foreign countries as well as domestic and foreign agriculture-based private companies, ministries, government departments and agencies, states government and small and medium size producers.*



Bagi ruang pameran *indoor*, ianya telah diadakan di empat buah dewan dengan menyediakan 1,402 ruang pameran. Manakala bagi ruang pameran *outdoor* pula, pameran telah diadakan di tujuh buah laman dan 13 buah rumah negeri dengan penyediaan sebanyak 1,100 ruang pameran. Rumah-rumah negeri juga turut mempamerkan produk-produk pertanian serta kebudayaan dan kesenian negeri masing-masing. MAHA 2010 juga telah berjaya menganjurkan *walk-in* seminar yang menjanjikan ruang perkongsian maklumat dan bicara tani dengan pembentangan 32 kertas kerja yang memfokuskan kepada kemudahan pembiayaan pinjaman, industri pertanian Malaysia dan pasaran global serta kejayaan dan pencapaian negara dalam bidang pertanian, hortikultur dan agro-pelancongan. Siri *walk-in* seminar ini berlangsung di Dewan D, MAEPS dan berjaya menarik penyertaan seramai 7,575 orang peserta.

*Indoor exhibitions were allocated in four halls that contain 1,402 booths while outdoor exhibition booths were located on seven courtyards and 13 states houses that provide 1,100 exhibition spaces. The state houses also exhibit agricultural product as well as art and cultural products from the respective states. MAHA 2010 also organised walk-in seminars that promised exchange of information opportunities and agriculture discourse with the presentation of 32 papers that gave emphasis on financing loan facilities, Malaysian agricultural industry and the global market as well as the nation's achievements and accomplishments in the field of agriculture, horticulture and agro-tourism. The walk-in seminar series were held at the D Hall, MAEPS and attracted 7,575 participations.*



Secara keseluruhannya, program MAHA 2010 telah membuktikan bahawa sektor pertanian adalah satu bidang perniagaan yang menguntungkan. Ia telah berjaya menarik minat orang ramai untuk menyaksikan pencapaian dan kemajuan teknologi pertanian moden. Tamadun manusia di serata dunia bermula dengan pertanian dan ia kekal relevan sehingga kini.

*Generally, MAHA 2010 programme had proven that the agricultural sector is a profitable business. It had succeeded in attract the interest of the masses to observe the achievements and advancements of modern agriculture technology. The world civilization started with agriculture and it remains relevant to this day.*





## REGULATORI REGULATORY

FAMA telah dipertanggungjawabkan untuk menguruskan pembangunan standard, pengembangan dan perundingan, kawalan pasaran serta penguatkuasaan bagi memastikan pemasaran produk agro-makanan yang berkualiti dan selamat di pasaran domestik dan luar negara.

### Pengembangan dan Perundingan Pasaran

Program pengembangan dan perundingan pasaran dilaksanakan selaras dengan strategi FAMA untuk meningkatkan kecekapan pengurusan rantai bekalan. Tujuan program adalah untuk meningkatkan kefahaman kumpulan sasaran mengenai pemasaran dan kepentingan kualiti dalam pengendalian hasil pertanian untuk pasaran. Program ini memberi penumpuan kepada pendidikan dan bimbingan dalam pemasaran, Peraturan 3P (Penggredan, Pembungkusan dan Pelabelan), Pengendalian Lepas Tuai (PLT) dan motivasi. Pada tahun 2010, sebanyak 400 program (2009:420 program) telah dilaksanakan di seluruh negara melibatkan seramai 14,367 orang (2009:15,827 orang).

Selain memberi penumpuan kepada kumpulan sasaran iaitu petani dan peserta ladang kontrak, FAMA juga menyediakan latihan dan bimbingan kepada kakitangan operasi FAMA dalam usaha meningkatkan pemasaran hasil pertanian yang berkualiti dan mematuhi peraturan 3P. Bagi mencapai matlamat ini, sebanyak tiga siri latihan dan pendidikan telah dilaksanakan di seluruh Malaysia iaitu Kursus Penyediaan Pemasaran (Lepas Tuai), Kursus Peraturan 3P dan Kursus Pengendalian Lepas Tuai untuk 111 orang kakitangan operasi FAMA Sabah, Wilayah Tengah, Selatan, Timur dan Utara.

*FAMA had been entrusted to manage the development of standard, expansion and negotiation, market control as well as the enforcement to ensure the marketing of quality and safe agro-food products in the domestic and foreign market.*

### Market Expansion and Negotiation

*The market expansion and negotiation programme was executed in line with FAMA's strategy to improve efficiency of the supply chain management. The main objective of this programme is to improve the understanding of the targeted audiences on marketing and the importance of quality in the handling of agricultural products for the market. The programme gave emphasis on the educating and guiding in marketing, the 3P Regulations (Penggredan, Pembungkusan dan Pelabelan – Grading, Packaging and Labelling), Post Harvest Handling (Pengendalian Lepas Tuai – PLT) and motivation. The year 2010 saw 400 programmes (2009:420 programme) implemented nationwide with 14,367 participants (2009:15,827 participants).*

*Besides concentrating on the targeted audiences that include the farmers and contract farmers, FAMA also provide training and supervisions to FAMA operation staff in efforts to improve the marketing o quality agricultural produce that adhered to the 3P Regulations. In order to achieve the objective, three series of training and education were implemented through Malaysia, namely the Marketing Preparation Course (Post Harvest), 3P Regulations Course and Post Harvest Handling Course were conducted for 111 of the operation staff of FAMA Sabah, Central, Southern, Eastern and Northern Territories.*



Panel Pengembangan FAMA sedang memberikan latihan hands on kepada petani yang sedang mengikuti Program Pengembangan FAMA

*FAMA Expansion Panel providing hands on training to farmers who attended the FAMA Expansion Programme*

Pada tahun 2010, FAMA meneruskan hebahan melalui program Peraturan 3P kepada semua pihak yang terlibat melalui ceramah, seminar, media cetak dan media elektronik di seluruh negara. Seramai 1,187 orang peserta telah terlibat dalam seminar yang terdiri daripada kakitangan kerajaan, pengeksport, pengimport, petani, pemborong, peruncit dan pengguna.

*In 2010, FAMA continued to publicise through the 3P Regulations programme targeting all parties by way of talks, seminar, printed and electronic media nationwide. At least 1,187 participants among the government officials, exporters, importers, farmers wholesalers, retailers and the consumers participated in the seminars.*




Kakitangan Operasi FAMA Sedang Mengikuti Kursus Peraturan 3P  
*FAMA Operation Staff in Serdang at the 3P Regulation Course*



Kakitangan Operasi FAMA Sedang Menjalani Praktikal  
*FAMA Operation Staff in Serdang undergoing practical training*



Pengerusi FAMA Melancarkan Seminar 3P Peringkat Negeri Kedah  
*FAMA Chairman launched state level 3P Seminar in Kedah*



## Malaysia's Best

Selaras dengan aspirasi FAMA dalam konteks kecekapan pengurusan rantai bekalan ke arah jaminan pasaran yang lebih luas, Unit Pensijilan Malaysia's Best terus bergerak dengan memberi perkhidmatan dalam penjenamaan khusus dalam bidang pemasaran hasil pertanian berkualiti dan selamat dimakan.

Pada tahun 2010, usaha lebih tertumpu kepada lima program utama yang terdiri daripada Pengurusan Pendaftaran Penjenamaan Malaysia's Best, Pembangunan Usahawan Malaysia's Best, Promosi, Penyediaan Insentif dan Penyediaan Bahan Publisiti. Melalui program-program tersebut, sebanyak 65 aktiviti telah dijalankan pada tahun 2010 berbanding 45 aktiviti pada tahun 2009 seperti di Jadual 16. Sehingga akhir tahun 2010, terdapat 44 pemegang sijil atau jenama Malaysia's Best yang terdiri daripada pekebun, pengeksport dan pengusaha di seluruh Malaysia. Pecahan komoditi pemegang jenama Malaysia's Best seperti di Jadual 17.

## Malaysia's Best

*The Malaysia's Best Certification Unit continue to advance in providing services in branding especially in the marketing of quality and safe to consume agricultural products, in lined with FAMA's aspiration for improved efficiency in the supply chain management towards greater market assurance.*

*In 2010, efforts are concentrated on five main programmes that comprised of The Management of Registration of Malaysia's Best Branding, Malaysia's Best Entrepreneurs' Development, Provision of Incentives and Publicity Materials. A total of 65 activities were conducted under these programmes compares to 45 in the year 2009 as indicated in Table 16. By end of 2010, there were 44 certificate holders or Malaysia's Best brands that include farmers, exporters and businesses throughout Malaysia. Malaysia's Best brand holders by commodities are divided as in Table 17.*

**Jadual 16: Pencapaian Program Malaysia's Best Tahun 2009 dan 2010**  
**Table 16: Malaysia's Best Programme Achievements for 2009 and 2010**

Bil / No	Program / Programme	Tahun / Year	
		2009	2010
1	Pengurusan Pendaftaran Penjenamaan Malaysia's Best / <i>Management of Registration of Malaysia's Best Branding</i>	14	27
2	Program Pembangunan Usahawan Malaysia's Best / <i>Malaysia's Best Entrepreneurs' Development</i>	7	19
3	Pembangunan Promosi / <i>Promotional Development</i>	17	15
4	Penyediaan Insentif / <i>Provision of Incentives</i>	2	2
5	Penyediaan Bahan Publisiti / <i>Provision of Publicity Materials</i>	5	2
<b>Jumlah / Total</b>		<b>45</b>	<b>65</b>

**Jadual 17: Bilangan Komoditi Malaysia's Best bagi Tahun 2010**  
*Table 17: Malaysia's Best Numbers of Commodities for 2010*

Bil / No	Komoditi / Commodities	Jumlah Pemegang Malaysia's Best Total Number of Malaysia's Best Holder
1	Belimbing / <i>Star Fruits</i>	11
2	Betik Hongkong / Sekaki / <i>Hong Kong Papaya</i>	3
3	Betik Eksotika / <i>Exotic Papaya</i>	4
4	Tembikai / <i>Watermelon</i>	2
5	Nenas Josapine / <i>Josapine Pineapple</i>	3
6	Mangga / <i>Mango</i>	4
7	Pisang Cavendish / <i>Cavendish Bananas</i>	1
8	Pitaya / <i>Pitaya</i>	7
9	Limau Bali (Pamelo) / <i>Pamelo</i>	3
10	Durian D24 Organik / <i>Durian D24 Organic</i>	1
11	Salad / <i>Salad</i>	1
12	Tomato / <i>Tomato</i>	3
13	Cendawan (Shitake) / <i>Shitake Mushrooms</i>	1
<b>Jumlah / Total</b>		<b>44</b>

Selain itu, terdapat beberapa komoditi yang dieksport menggunakan jenama Malaysia's Best antaranya belimbing, betik sekaki, betik eksotika dan tembikai. Pada tahun 2010, nilai eksport bagi komoditi-komoditi tersebut meningkat sebanyak RM500,000 iaitu RM8.77 juta pada tahun 2010 berbanding RM8.27 juta pada tahun 2009 seperti di Jadual 18.

*There were also several commodities that were exporter under the Malaysia's Best brand that include, starfruit, papaya, exotic papaya and watermelon. In 2010 the export value for these commodities increased by RM500,000 to RM8.77 million compared to RM8.27 million in 2009 as shown in Table 18.*

**Jadual 18: Jumlah Eksport Komoditi Tempatan Menggunakan Jenama Malaysia's Best Tahun 2009 dan 2010**

*Table 18: Total of Domestic Commodities Exports of Malaysia's Best Brand in 2009 and 2010*

Bil / No	Komoditi / Commodities	2009		2010	
		Kuantiti (tan metrik) / Quantity (Metric Tonnes)	Nilai Eksport (RM) / Export Value (RM)	Kuantiti (tan metrik) / Quantity (Metric Tonnes)	Nilai Eksport (RM) / Export Value (RM)
1	Belimbing / <i>Starfruit</i>	1,200	4,950,000	1,200	5,400,000
2	Betik Sekaki / <i>Papaya</i>	120	163,000	130	182,000
3	Betik Eksotika / <i>Exotic Papaya</i>	486	700,000	490	705,600
4	Tembikai / <i>Watermelon</i>	190	332,000	200	320,000
5	Nanas Josapine / <i>Josapine Pineapple</i>	900	2,000,000	900	2,000,000
6	Limau Bali / <i>Pomelo</i>	55	120,000	55	165,000
<b>Jumlah / Total</b>		<b>2,951</b>	<b>8,265,000</b>	<b>2,975</b>	<b>8,772,600</b>

## Kawalan Pasaran dan Penggredan

Program pelesenan, kawalan dan penggredan FAMA bertujuan untuk memastikan amalan pemasaran keluaran pertanian dapat dijalankan secara adil, telus, teratur dan memenuhi piawaian yang ditetapkan. Matlamat utama aktiviti penggredan adalah untuk memastikan keseragaman kualiti hasil pertanian bagi pasaran domestik dan antarabangsa. Pelaksanaan aktiviti ini dapat mewujudkan amalan pemasaran

## Market Control and Grading

*FAMA's licensing, control and grading programme are aimed at ensuring the marketing practices for agricultural produce are conducted in a fair, transparent, organised and standardised manner. The main objectives of the grading exercise are to ensure the standardised quality of the agricultural produce for both domestic and international market. The implementations are meant to establish marketing practices of agricultural produces*

keluaran pertanian yang telus, teratur serta menguntungkan petani, perantara dan pengguna di samping dapat meningkatkan pembangunan industri keluaran pertanian dan makanan negara.

Pada tahun 2010, FAMA melalui Pusat Pemeriksaan Kualiti Hasil Pertanian yang bertempat di KLIA telah mengendalikan pemeriksaan gred bagi buah belimbing sebanyak 2,317 tan metrik (2009:2,564 tan metrik) manakala bagi betik eksotika pula sebanyak 402 tan metrik (2009:455 tan metrik). Melalui skim *Self Regulated By Regulated Entities* (SRBRE), pemeriksaan kualiti dan pengesahan gred buah belimbing dan betik untuk dieksport akan dilakukan sendiri oleh pihak pengeksport mengikut syarat-syarat kelayakan yang telah ditetapkan. Pihak FAMA akan mengawal selia ke atas kerja-kerja penggredan melalui pengauditan secara berkala untuk memastikan pengeksport menggred buah mengikut Piawaian Malaysia (MS) sebelum dieksport.

### Sistem e-Grading

Sistem e-Grading merupakan satu sistem berasaskan web yang telah dibangunkan dan digunakan di Pusat Pemeriksaan Kualiti Hasil Pertanian, KLIA. Sistem ini juga digunakan oleh pengeksport buah belimbing dan betik eksotika bagi memenuhi syarat dan garis panduan yang ditetapkan di bawah program SRBRE. Melalui kemudahan SRBRE dan penggunaan sistem ini, jaminan terhadap penyampaian tahap perkhidmatan berkualiti dapat diberi dan dikekalkan bagi kemudahan pihak industri. Pada tahun 2010, transaksi yang direkodkan melalui skim SRBRE adalah sebanyak 2,568 kali dan 1,186 kali melalui FAMA KLIA.

### Pelesenan

Pada tahun 2010, FAMA telah mengeluarkan lesen kepada 1,373 individu/syarikat di seluruh negara. Jumlah keseluruhan lesen yang dikeluarkan melibatkan pemegang lesen buah, kelapa, kopi dan sayur seperti di Jadual 19.

*that are transparent and organized as well as profitable for farmers, the middleman and the consumers apart from improving the development of the nation's agricultural produce and food industry.*

*In the year 2010, FAMA conducted the grading of 2,317 metric tonnes of star fruits (2009: 2,564 metric tonnes), 402 metric tonnes of exotic papaya (2009:455 metric tonnes) through its Centre of Agricultural Produce Quality Inspection that is located at KLIA. Meanwhile, the Self Regulated By Regulated Entities (SRBRE) scheme allows for exporters to conduct their own quality inspection and grading validation for starfruit and papaya based on the specified qualification terms and conditions. FAMA monitors the grading works through periodical auditing to ensure that exporters conduct the fruits' grading based on the Malaysian Standards before they were exported.*

### e-Grading System

*The e-Grading System is a web-based system that had been developed and applied at the Centre of Agricultural Produce Quality Inspection, KLIA. Star fruit and exotic papaya exporters also utilise this system in order to adhere to the terms and guidelines specified under the SRBRE programme. The SRBRE facilities and the system allows for the delivery of quality services and it will be maintained for the benefit of the industry. In 2010, the SRBRE scheme recorded 2,568 transactions and FAMA KLIA recorded 1,186 transactions.*

### Licensing

*FAMA issued 1,373 licenses to individuals / companies nationwide in 2010. These licenses are issued license holders for fruits, coconuts, coffee and vegetables as indicated in Table 19.*

**Jadual 19: Jumlah Pemegang Lesen bagi Tahun 2009 dan 2010**  
*Table 19: Numbers of License Holders in 2009 and 2010*

Jenis Lesen / Type of Licence	Tahun / Year	
	2009	2010
Buah / Fruit	383	367
Kelapa / Coconut	687	703
Kopi / Coffee	30	26
Sayur / Vegetables	310	277
<b>Jumlah / Total</b>	<b>1,410</b>	<b>1,373</b>

## Kuota Import Kubis Bulat dan Biji Kopi Mentah

FAMA mengeluarkan permit import bagi pengimportan kubis bulat dan biji kopi bertujuan untuk menstabilkan harga dan bekalan tempatan. Sepanjang tahun 2010, sebanyak 33,978 tan metrik (2009:38,863 tan metrik) kuota kubis bulat telah dikeluarkan kepada 12 konsortium dan 49 syarikat pemegang kuota import kubis bulat. Purata harga ladang bagi kubis bulat ialah RM1.01/kg. Harga tertinggi dicatatkan pada bulan Mei iaitu RM1.27/kg manakala harga terendah pula dicatatkan pada bulan September iaitu RM0.58/kg.

Bagi kuota untuk biji kopi pula adalah sebanyak 64,939 tan metrik (2009:56,318 tan metrik) telah diluluskan kepada 90 syarikat dan sebanyak empat permohonan baru telah diluluskan dengan kuota sebanyak 522 tan metrik. Terdapat empat syarikat besar yang terlibat dalam pengimportan biji kopi mentah iaitu Nestle, Dan Kaffe, Haco Asia Pacific dan Super Food Sdn. Bhd.

## Sistem e-Permit

Permohonan permit import dan eksport secara online iaitu e-Permit telah diperluaskan pelaksanaannya khususnya bagi permohonan permit eksport buah-buahan dan sayur-sayuran ke Singapura. Permit eksport mengikut komoditi pada tahun 2010 adalah seperti di Jadual 20.

**Jadual 20: Permit Eksport Mengikut Komoditi Tahun 2010**  
**Table 20: Export Permits by Commodities in Year 2010**

Komoditi / Commodities	2010
Bawang / Onion	1,019
Ubi Kentang / Potato	16
Sayur / Vegetable	196
Buah / Fruits	2,284
<b>Jumlah / Total</b>	<b>3,515</b>

## Pemantauan dan Penguatkuasaan

Pelaksanaan program pemantauan dan penguatkuasaan di pintu keluar masuk negara, pasar borong, sekatan jalan raya, siasatan dan lawatan ke premis terus dijalankan pada tahun 2010. Tujuan pelaksanaan program ini adalah untuk menghalang penyeludupan kubis bulat dan biji kopi mentah masuk ke negara ini di samping memantau tahap pematuhan dan penerangan mengenai peraturan 3P FAMA. Sepanjang tahun 2010, sebanyak 52 aktiviti telah dilaksanakan di bawah program penguatkuasaan antaranya Operasi Pemeriksaan Bekalan Kubis Bulat di Pulau Pinang, Melaka, Selangor dan Johor; Operasi Sekatan Jalan Raya bersama Unit Risikan Pasaran (MID) dan Polis DiRaja Malaysia di Simpang Pulai, Lojing dan Tapah; Program Sekatan Jalan Raya dan Simulasi Pematuhan Peraturan 3P pasar borong, pasaraya, pasar tani dan pasar runcit di Bentong dan Kuantan Pahang; dan program-program taklimat serta bengkel yang diadakan di seluruh Malaysia.

## Import Quota for Round Cabbage and Raw Coffee Beans

FAMA issued import permits for the imports of round cabbage and coffee beans to stabilise the domestic price and supply. The quota for round cabbage throughout 2010 was 33,978 metric tonnes (2009: 38,863 metric tonnes) and the permits were issued to 12 consortium and 49 companies that hold the quota for round cabbage. The farm price of the round cabbage averages at RM1.01/kg. The highest price recorded was RM1.27/kg in May while September recorded the lowest at RM0.58/kg.

The quota for coffee beans is 64,939 metric tonnes and 90 companies have been approved while another four new applications were approved for a quota of 522 metric tonnes. Nestle, Dan Kaffe, Haco Asia Pacific and Super Food Sdn. Bhd are the four major companies that were involved in importing raw coffee beans.

## e-Permit System

The utilizations of the e-Permit system that allows for on-line applications for import and export permits have been expanded, especially for the applications of permits for fruits and vegetables to Singapore. Export permits by commodities in the year 2010 are as indicated in Table 20.

## Monitoring and Enforcement

Monitoring and enforcement programmes at all the nation's gateway, wholesale market, roadblocks, investigation and visits to business premises were continuously conducted in 2010. The main reason for the implementation of this programme is to prevent the smuggling of round cabbage and raw coffee beans into the country as well as to monitor the level of compliance and information dissemination of FAMA's 3P Regulations. At least 52 activities were implemented throughout 2010 under the enforcement programme and these include the Round Cabbage Inspection Operation in Penang, Melaka, Selangor and Johor. Road Block Operations in cooperation with the Marketing Intelligence Department (MID) and the Malaysian Royal Police at Simpang Pulai, Lojing and Tapah; Road Block Programme and 3P Regulations Compliance Simulation at wholesale market, farmers market and retail market in Bentong and Kuantan, Pahang; and briefing as well as workshops were conducted throughout Malaysia.

## MAKLUMAT PASARAN MARKET INFORMATION

Program Maklumat Pasaran adalah salah satu teras strategi FAMA untuk mencapai kecemerlangan dalam pemasaran. Program ini merangkumi maklumat bekalan, permintaan, harga, import dan eksport. Maklumat bekalan dan harga merupakan komponen penting dalam aktiviti pemasaran komoditi pertanian. Maklumat dikumpul dan dianalisis setiap minggu untuk kegunaan pihak FAMA, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK). Data harga mingguan peringkat ladang, borong dan runcit turut dipaparkan di laman web rasmi FAMA iaitu [www.fama.gov.my](http://www.fama.gov.my) untuk rujukan pengguna terutamanya kumpulan sasar.

Selain itu, maklumat bekalan yang dikutip di pasar borong dan ladang akan dikaitkan dengan kenaikan dan penurunan harga komoditi pertanian. Maklumat ini turut digunakan untuk membantu segala aktiviti urusaniaga FAMA. Pengumpulan maklumat juga membolehkan FAMA membantu pihak kerajaan melalui KPDNKK dalam negara membuat penetapan harga pada musim perayaan dalam negara.

Sistem Pemadanan Maklumat dan Permintaan Maya (Supply Demand Virtual Information –SDVI) merupakan satu sistem bersepadu yang dibangunkan bagi memantau keadaan pasaran menerusi maklumat bekalan dan permintaan serta harga pasaran. Sistem ini dilengkapi dengan maklumat bagi menyampaikan maklumat pasaran terkini kepada kumpulan sasar. Sehingga tahun 2010, jumlah pendaftaran yang direkodkan dalam SDVI adalah sebanyak 73,256 orang (2009:30,721 orang) seperti di Jadual 21. Sistem-sistem aplikasi melalui SDVI turut digunakan untuk mengumpul dan menganalisis maklumat pasaran serta penghasilan output yang merangkumi;

- i. Sistem e-pasartani@fama
- ii. Sistem e-ladangkontrak@fama
- iii. Sistem e-IAT@fama
- iv. Sistem e-gbbs@fama
- v. Pembekal Maklumat
- vi. Pengusaha Kilang
- vii. Pengusaha Institusi

*The marketing information programme is one of FAMA's core strategies towards excellence in marketing. It covers supply information, demands, price, imports and exports. Supply information and prices are an integral component in the marketing of agricultural commodities. Information gathering and analysis are conducted on a weekly basis for FAMA, Ministry of Agriculture and Agro-based Industry, Ministry of Domestic Trade, Cooperative and Consumerism. Weekly price data at farm, wholesale and retail level are posted on FAMA official website i.e. [www.fama.gov.my](http://www.fama.gov.my) as reference for consumers especially the target group.*

*Supply information were also gathered at wholesale market and farms that will relate to the rise and fall of the prices of agricultural commodities. The information will also be utilized to facilitate FAMA's business activities. The gathering of information also allows FAMA to assist the Government through the MODTCC to ascertain the price of agricultural commodities during the festive seasons.*

*The Supply Demand Virtual Information (SDVI) system is an integrated system that was developed to monitor the market through the supply and demand information as well as market price. The information provided through the system allows for the dissemination of the latest market information to the target groups. To-date in 2010, the total number of registrations is 73,256 (2009:30,721 registrations) as indicated in Table 21. The SDVI application systems were also applied to gather and analysis market information as well as the output of produce that include:*

- i. e-pasartani@fama system*
- ii. e-ladangkontrak@fama systems*
- iii. e-IAT@fama systems*
- iv. e-gbbs@fama systems*
- v. Information Provider*
- vi. Factory Manufacturer*
- vii. Manufacturing Institution*

Jadual 21: Pencapaian Pendaftaran dalam SDVI Tahun 2009 dan 2010  
Table 21: Registrations achieved in SDVI for 2009 and 2010

Pendaftaran dalam SDVI / Registration in SDVI	Tahun / Year	
	2009	2010
e-pasartani@fama	27,453	29,348
e-ladangkontrak@fama	Belum Mula / <i>Not started</i>	24,242
e-IAT@fama	137	220
e-gbbs@fama	2,531	4,712
Pembekal Maklumat / <i>Information Provider</i>	600	6,195
Pengusaha Kilang / <i>Factory Entrepreneur</i>	Peringkat Awal Kajian / <i>Research Early Stage</i>	5,089
Pengusaha Institusi / <i>Institution Entrepreneur</i>	Belum Mula / <i>Not started</i>	3,450
<b>Jumlah / Total</b>	<b>30,721</b>	<b>73,256</b>

Sepanjang tahun 2010, FAMA juga telah menjalankan 45 kajian pasaran dan hasil daripada kajian tersebut, beberapa laporan pasaran dalam dan luar negara diterbitkan. Antaranya laporan yang dihasilkan adalah Laporan Tinjauan Pasaran Komoditi Pertanian, Risalah Fakta Potensi Pasaran Komoditi, Kajian Pasaran Dalam Negeri dan Laporan Profil Negara.

Selain daripada kajian yang dijalankan, FAMA juga menggunakan beberapa kaedah penyebaran maklumat kepada kumpulan sasar bagi membantu mereka dalam membuat keputusan. Antara kaedah yang digunakan oleh FAMA seperti capaian melalui laman web rasmi FAMA iaitu [www.fama.gov.my](http://www.fama.gov.my), jurnal, kalendar buah-buahan bermusim, *Market Extract*, laporan kajian dan buku-buku berkaitan pemasaran makanan daripada dalam dan luar negara.

### Journal of Agribusiness Marketing


*Journal of Agribusiness Marketing* (JoAM) telah mula diterbitkan pada Disember 2008 sebagai saluran untuk mendokumen dan menerbitkan hasil-hasil kajian pemasaran pertanian dalam bentuk artikel agar dapat disebarkan kepada kumpulan sasar yang terdiri daripada penggubal polisi, usahawan, penyelidik dan pelajar bagi membangun dan memajukan sektor pertanian. JoAM Volume 3 telah diterbitkan pada Disember 2010 setelah semua artikel berjaya melalui proses penilaian. Di samping itu, JoAM Edisi Khas juga diterbitkan pada Oktober 2010 bagi menghargai hasil penyelidikan yang dibuat oleh para penyelidik bersama FAMA di mana penemuan penyelidikan ini telah dibentangkan di seminar khas iaitu *Conference of Agribusiness Marketing 2010*.

*FAMA had conducted 45 market researches throughout 2010 and has resulted in the publications of several domestic and foreign market reports. Agricultural Market Research Report, Domestic Market Research, Country Profile and Report are some of the published reports.*

*Apart from conducting these researches, FAMA also utilized several information dissemination methods to reach the target audiences to facilitate their decision-making. FAMA official website, [www.fama.gov.my](http://www.fama.gov.my), journals, calendar of seasonal fruits, Market Extract, research reports and relevant local and foreign books on food marketing, are some of the channel of communications that were used.*

### Journal of Agribusiness Marketing

*Journal of Agribusiness Marketing (JoAM) was first published in December 2008 as a channel to document and publish results of agricultural marketing researches in the form of features to be disseminated to the target groups that include policy makers, entrepreneurs, researches and students for further development and advancement of the agriculture sector. The JoAM Special Edition was also published in October 2010 as an appreciation of the findings of the researches that were presented at the Conference of Agribusiness Marketing 2010.*





### Conference of Agribusiness Marketing 2010

Pada 23 Februari 2010, *Conference of Agribusiness Marketing 2010* telah diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) Kuala Lumpur. Seminar dirasmikan oleh Y.B. Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani yang membincangkan isu *Food Security: Towards Market Driven Supply Chain Management* serta dihadiri oleh golongan sasaran dan kakitangan FAMA.



### Conference of Agribusiness Marketing 2010

*Conference of Agribusiness Marketing 2010* was held on 23 February 2010 at the Putra World Trade Centre (PWTC). Officiated by the Minister of Agriculture and Agro-based Industry the issues addressed at the *Food Security: Towards Market Driven Supply Chain Management*.



Conference of Agribusiness Marketing 2010 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur  
*The Conference of Agribusiness Marketing 2010 at Putra World Trade Centre (PWTC), Kuala Lumpur*



annual report

LAPORAN  
TAMBAHAN

**M**

**ENINGKATKAN KEBERKESANAN  
PENGURUSAN**

***IMPROVING MANAGEMENT  
EFFECTIVENESS***

## PERANCANGAN STRATEGIK STRATEGIC PLANNING

Perancangan Strategik memainkan peranan penting dalam menentukan dan merancang hala tuju FAMA selari dengan dasar-dasar kerajaan seperti Rancangan Malaysia Ke-10, 1Malaysia, Program Transformasi Kerajaan (ETP) dan dasar-dasar semasa yang diumumkan oleh Y.A.B. Perdana Menteri. Pendekatan FAMA dalam RMKe-10, di mana perancangan dibuat berasaskan outcome, telah disampaikan kepada Pegawai-pegawai FAMA semasa Seminar Tahunan Pegawai FAMA yang diadakan pada 18 hingga 20 Mac 2010. Bahagian ini juga penting bagi memastikan FAMA memperoleh sumber dana mencukupi bagi pelaksanaan program-program FAMA dengan meningkatkan keberkesanan pengurusan bajet dan prestasi program. Terdapat dua cawangan di bawah Perancangan Strategik iaitu Dasar dan Penilaian.

### Perancangan dan Pelaksanaan Dasar

Fungsi utama Cawangan Dasar adalah:-

- i. Merancang dan menetapkan pelan strategik FAMA selaras dengan Dasar-dasar Kerajaan dan menetapkan KPI FAMA;
- ii. Merancang serta menetapkan program/projek dan Sasaram Kerja Tahunan (SKT) FAMA;
- iii. Menetapkan dasar belanjawan dan menentukan keutamaan projek untuk permohonan bajet FAMA;
- iv. Menyediakan Jawapan Parlimen dengan mengurus maklumbalas Dewan Rakyat dan Dewan Negara;
- v. Melaksanakan kerja-kerja keurusetiaan dan pengurusan maklumbalas;
- vi. Menyedia dan menyelaraskan kertas-kertas taklimat kepada Y.B. Menteri dan Y.B. Timbalan Menteri dan seumpamanya; dan
- vii. Urusetia bagi Mesyuarat Lembaga Pengarah FAMA.

Pada tahun 2010, pengurusan bajet pembangunan terus dimantapkan dengan sokongan Pegawai-Pegawai dari semua Bahagian di FAMA dan sistem MyFinancial, SPPII dan e-bajet. Proses Permohonan Projek Pembangunan FAMA di bawah Rancangan Malaysia Ke-10 yang dibuat dari SPPII telah melalui peringkat-peringkat yang ditetapkan kerajaan. Siling RMK-10 FAMA telah diluluskan Unit Perancang Ekonomi (EPU) untuk tempoh 2 tahun iaitu 2011 hingga 2012 sebanyak RM20.9 juta melibatkan 23 Projek.

Sepanjang tahun 2010, sebanyak 300 jawapan Parlimen dan maklumbalasmesyuarat telah disediakan dan diuruskan mengikut tempoh masa yang telah ditetapkan. Dokumen hansard Parlimen berkaitan FAMA secara elektronik juga telah dipaparkan di dalam web FAMA bagi memudahkan capaian

*Strategic planning is imperative in the planning and to determine FAMA's direction that is in-line with the government's policies such as the 10<sup>th</sup> Malaysian Plan, 1 Malaysia, the Economic Transformation Programme (ETP) and any current policies that would be announced by the Prime Minister. FAMA's approach in the 10<sup>th</sup> Malaysia Plan (RMK10) which is outcome based, was presented to FAMA officials at the FAMA Officers Annual Seminar that was held from 18 to 20 March 2010. This part is imperative to ensure that FAMA obtains sufficient funding to implement and execute its programmes by improving the efficiency of its budget management and programme performances. There were two branches of the Strategic Planning i.e. Policy and Valuation.*

### Policy Planning and Implementation

*The main functions of the Policy Branch are:*

- i. Plan and determine that FAMA strategic planning is in-line with the Government Policies and to determine FAMA's KPI;*
- ii. Plan as well as determine programme / project and FAMA Annual Targeting Deployment (Sasaran Kerja Tahunan – SKT);*
- iii. Determine budget policy and prioritization of projects for FAMA budget application;*
- iv. Manage feedbacks of the State Assembly and Parliament as well as Preparations of responses to Parliamentary questions;*
- v. Execution of secretariat works and feedbacks management;*
- vi. Preparation and supervise the brief notes to the Minister and Deputy Minister and others; and*
- vii. Serve as secretariat to the FAMA Board of Directors Meetings.*

*Supports from all officers from all Divisions within FAMA as well as MyFinancial system, SPPII and e-budget, continue to further enhance the budget development management in 2010. The FAMA Development Project Application Process under the 10<sup>th</sup> Malaysian Plan that was prepared by SPPII has gone through several levels that were determined by the Government. EPU had given the approval to FAMA's RMK10 ceiling of RM20.9 million for 23 projects, for a two-year period from 2011 to 2011.*

*A total of 300 parliamentary answers and meetings feedbacks were prepared and managed in a timely manner throughout 2010. Parliament Hansard document that are related to FAMA were electronically published on the FAMA web to facilitate access by FAMA officials. Meanwhile the Policy Division took on the secretarial role for all six FAMA Board of Directors Meetings as well as the preparation of 39 working papers and 122 feedback reports. FAMA was also directly involved in the*

Pegawai-Pegawai FAMA. Sementara itu, Cawangan Dasar telah melaksanakan kerja-kerja keurusetiaan bagi Mesyuarat Lembaga Pengarah FAMA yang telah bersidang sebanyak enam kali dengan 39 kertas kerja telah dibentangkan serta 122 maklumbalas telah dilaporkan. FAMA juga telah terlibat secara langsung dalam penyediaan Dasar Agro Makanan (DAM) peringkat Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. FAMA juga turut menyertai dalam *Open Day* Program Transformasi Ekonomi (ETP) di PWTC yang dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri dimana FAMA terlibat secara langsung dalam ETP Pertanian serta ETP Pemborongan dan Peruncitan yang ditumpukan kepada lonjakan ekonomi dipacu oleh sektor swasta dan diukur melalui peningkatan Gross National Income (GNI).

## Penilaian

Fungsi-fungsi Cawangan Penilaian adalah:-

- i. Menjalankan pemantauan ke atas projek-projek FAMA;
- ii. Menjalankan kajian penilaian *outcome* bagi projek-projek pembangunan FAMA;
- iii. Pengemaskinian maklumat dalam Sistem Pemantauan Projek (SPPP II) dan Sistem Pemantauan dan Penilaian Projek Pertanian (SPPPP);
- iv. Penyediaan Laporan Tahunan FAMA;
- v. Penyediaan Laporan Prestasi Bulanan Negeri dan ibu pejabat;
- vi. Urusetia bagi program Peningkatan Pembasmian Kemiskinan seperti e-Kasih dan Azam Tani;
- vii. Urusetia bagi Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan FAMA (JTPF); dan
- viii. Pengurusan mesyuarat Majlis Pembangunan Pertanian kawasan Parlimen (MPPP) di Sarawak.

Sepanjang tahun 2010, cawangan Penilaian diberi fokus dan penekanan khusus untuk memantau program-program di bawah KPI Menteri khususnya program Pembasmian Kemiskinan. Pencapaian peserta dibawah program Pembasmian Kemiskinan, e-kasih dan Azam Tani bagi tahun 2010 seperti di Jadual 22.

*Agriculture preparation of the Agro Food Policy (Dasar Agro Makanan - DAM) at Ministry of Agriculture and Agro-based Industry level. FAMA also participated in the Open Day of the Economic Transformation Programme at PWTC where FAMA is also involved directly in the Agriculture ETP as well as Wholesale & Retail ETP that focused on the economic spur driven by the private sector and calculated through the increase in the Gross National Income (GNI).*

## Evaluation

*The functions of the Evaluation Branch are:*

- i. *Monitors FAMA projects;*
- ii. *Review outcome assessment for FAMA development projects;*
- iii. *Updating information in the Project Monitoring System (SPPP II) and the Agriculture Project Monitoring & Assessment System (SPPPP);*
- iv. *Preparation of FAMA Annual Report;*
- v. *Preparation of State & Headquarters Monthly Performance Reports;*
- vi. *Serve as Secretariat for Poverty Eradication Programme such as e-Kasih and Azam Tani;*
- vii. *Serve as Secretariat for FAMA Development Committee Meeting (JTPF); and*
- viii. *Manage the meetings of Agricultural Development Council (MPPP) for Parliamentary area in Sarawak.*

*Special focus and emphasis were given upon the evaluation branch throughout 2010, in the monitoring of programmes listed in the Minister's KPI, especially in the Poverty Eradication programme. Table 22 indicated the accomplishments of the participants in the Poverty Eradication Programme, e-kasih and Azam Tani in 2010.*

**Jadual 22: Pencapaian Peserta e-Kasih bagi Tahun 2010**  
**Table 22: The Accomplishments of e-Kasih Participants in 2010**

Bil / No	Parlimen / Parliament	Sasaran / Target	Pencapaian / Achievements
1	Baling	51	51
2	Dungun	50	59
3	Jerai	50	53
4	Larut	51	51
5	Kepala Batas	50	51
6	Kuala Langat	50	51
7	Tapah	50	52
8	Miri	50	64
<b>Jumlah / Total</b>		<b>402</b>	<b>432</b>

Jadual 23: Pencapaian Peserta Azam Tani bagi Tahun 2010  
Table 23: The Accomplishments of Azam Tani Participants in 2010

Bil / No	Parlimen / Parliament	Sasaran / Target	Pencapaian / Achievements
		2010	2010
<b>Fasa I / Phase I</b>			
1	Pulau Pinang	40	29
2	Wilayah Persekutuan	-	-
<b>Fasa II / Phase II</b>			
1	Pulau Pinang	52	47
2	Wilayah Persekutuan	1	1
<b>Jumlah / Total</b>		<b>93</b>	<b>77</b>

## KOMUNIKASI KORPORAT CORPORATE COMMUNICATION

Bahagian Komunikasi Korporat FAMA adalah transformasi daripada Bahagian Hal Ehwal Korporat yang bermula pada tahun 2008. Strategi ini merupakan usaha untuk memperkasa peranan dan aktiviti bahagian ini dalam pelaksanaan misi dan visi FAMA menerusi perkhidmatan perhubungan awam. Ianya selaras dengan langkah bagi memastikan segala maklumat dan mesej korporat FAMA dapat disampaikan kepada golongan sasar menerusi saluran komunikasi dan teknologi yang berkesan. Bagi memantapkan lagi mutu perkhidmatan, Bahagian Komunikasi Korporat telah dipecahkan kepada empat unit iaitu :-

### i. Unit Pengurusan & Komunikasi

- Menyelaras kerja-kerja pengurusan di peringkat bahagian;
